



جَيْهَانْ مُفْتَهُ كُلِّ جَيْهَانْ

JABATAN MUFTI KERAJAAN

JABATAN PERMATA MENTERI

NEGERIA BRUNEI DARUSSALAM

Tahun 7 Bilangan 3

Jamadilawal - Sya'ban 1424 Julai - September 2003

## BERSIHKAN HATI UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN -Titah

Oleh: Haji Mohidin bin Haji Mustapha

**K**ebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menyeru Umat Islam dan penduduk negara ini supaya membersihkan hati untuk mencapai

(Bersambung  
ke muka 3)



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan anugerah kepada pemenang dalam Kategori Akademik Sekolah kepada Guru Besar Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah (bahagian pagi) Kampong Serusop, Kawasan Brunei II.

- 6** Wanita Islam Menyertai Sembahyang Jenazah Dan Hukum Menziarahi Dan Berdoa Di Sisi Kubur
- 10** Developing Social And Economic Welfare Through (Zakat)

- 16** Ramadhan Akan Tiba Sudahkah Qadha Puasa Ditunaikan?
- 18** Postponement of Performance of Hajj (Pilgrimage)

Suratberita ini mengandungi ayat-ayat al-Qur'an dan hadis-hadis Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam. Jagalah ia dengan sempurna

# SELAMAT BERPUASA DAN MENYAMBUT HARI RAYA



Tahun 7 Bilangan 3

Jamadilawal - Sya'ban 1424 Julai - September 2003

**K**ini kita berada di bulan Sya'ban, suatu bulan di mana tidak lama lagi kita akan berada di bulan Ramadhan yang mulia. Seluruh umat Islam di mana saja berada sedang bersiap-siap untuk menyambut kedatangan bulan yang *mubarak* itu. Bagi mereka yang masih ada sisa puasa yang perlu *diqadha* pada tahun lalu, apa yang harus dilakukan ialah melunaskan hutang puasa tersebut dan mengulangkaji hukum-hakam puasa. Dengan hal yang demikian itu, kehadiran Ramadhan itu nanti akan dapat disambut dengan penuh rasa gembira dan bersedia menunggunya tanpa ada sebarang hutang puasa yang belum dilunaskan.

Sempena kedatangan bulan Ramadhan itu, pertama-tama yang kita perlu ucapkan ialah syukur ke hadrat *Ilahi*, kerana nikmat umur dan kesihatan yang telah dikurniakan kepada kita semua. Itulah dua di antara banyak nikmat Allah yang tidak semua orang dikurniakan keduanya sekaligus. Ada orang dikurniakan umur panjang, tetapi tidak sihat tubuh badan,

begitulah sebaliknya. Kedua-dua keadaan itu tidak mengizinkan kita dapat beribadat dengan sempurna, kecuali dikurniakan nikmat umur panjang dan sihat tubuh badan, kedua-duanya sekali.

Tidak semua orang akan mendapati bulan Ramadhan seterusnya dari Ramadhan yang sebelumnya. Kerana itu peluang mendapati dan beramal ibadat di bulan Ramadhan yang mulia itu merupakan satu-satunya kurnia Allah *Subhanahu wata 'ala* yang tidak dapat dinilai harganya. Ini adalah kerana bulan Ramadhan itu adalah semulia-mulia bulan di sisi Allah *Subhanahu wata 'ala* dengan membawa berbagai keistimewaan dan kelebihan.

Selepas Ramadhan menjelang bulan Syawal, bulan dimana umat Islam akan menyambut hari raya. Hari yang dinantikan oleh setiap orang Islam selepas sebulan berpuasa.

Dalam kesempatan ini Al-Hadaf mengucapkan selamat Hari Raya 'Idul Fitri, maaf zahir dan batin. ■

## SIDANG PENGARANG

### KETUA PENGARANG

Dato Paduka Awang Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah, Pengarah Pentadbiran.

### PENOLONG KETUA PENGARANG

Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha  
Ketua Bahagian  
Penerbitan dan Penerangan

### PENGARANG

Awang Haji Japar bin Haji Maidin  
Awang Haji Alias bin Pengarah Haji Jalil  
Awang Haji Yakob bin Haji Metali  
Awang Haji Duraman bin Haji Kula  
Haji Mas Redhuan bin Haji Jumat  
Awang Haji Mohd. Nur Lubis bin Abdul Razak  
Dayang Hajah Safiyah binti Haji Tuah  
Siti Alawiyah binti Haji Mohd. Zainal  
Pg. Ibrahim bin Pg. Hj. Bakar  
Haji Abu Qasim bin Haji Ismail

### URUSAN FOTO

Awang Haji Yakob bin Haji Metali  
Pengiran Ibrahim bin Pengiran Haji Bakar

### PEMBAHAGIAN / PENGEDARAN

Pegawai-Pegawai dan Kakitangan,  
Jabatan Mufti Kerajaan,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Negara Brunei Darussalam.

Terima Kasih  
atas ehsan Foto  
kepada:

Jabatan Penerangan,  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam

(Dari muka 1)

kejayaan dan menghindarkan huru-hara dalam masyarakat. Baginda bertitah demikian di Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam* tahun 1424 Hijriah yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, pada hari Rabu, 24 September, 2003.

Menurut baginda, peristiwa Isra' dan Mi'raj bermula dengan suatu pembedahan untuk mensucikan hati baginda dan setelah itu diisi pula dengan iman dan hikmah.

*"Ini melambangkan, bahawa kejayaan bagi sesuatu pekerjaan, apatah lagi suatu 'pekerjaan besar' adalah berpunca dari hati yang bersih, yang sihat, yang tidak dicemari oleh sebarang penyakit."*

Titah baginda lagi.

Dalam menjelaskan apakah bentuk hati yang bersih itu, baginda bertitah bahawa ia tidaklah dibayangkan seperti balang atau botol kosong yang apabila diisi dengan air tidak menampakkan



*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta dengan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuar Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ketika menerima junjung ziarah Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Isra' dan Mi'raj 1424 Hijriah.*

geladak kerana itu bukanlah contoh untuk hati yang bersih. Hati yang bersih itu bukan saja tidak berpenyakit, malahan juga penuh serta padat dengan iman dan hikmah. Baginda menegaskan bahawa perkara tersebut merupakan

modal atau bekal yang sebaik-baiknya dalam menjalani kehidupan, kerana barang siapa yang ingin berjaya bagi dirinya sendiri dan juga membawa kejayaan bagi orang lain, maka hendaklah dia memiliki sekeping hati yang bersih dan lurus.

Seterusnya baginda bertitah: *"Tidaklah akan ada sebagaimana peribahasa 'Papat di luar rincung di dalam.' Inilah peranan hati. Adapun hati yang kotor sangat mudah baginya mencetuskan huru-hara."*



*Sebahagian daripada pegawai-pegawai kanan kerajaan yang hadir di Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj yang telah diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.*

Berangkat sama ke majlis itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuar Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

# Kita Bersyukur, Doa Dimakbul

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

**K**ebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah melahirkan rasa syukur kerana doa kita telah dimakbulkan oleh Allah Subhanahu wata 'ala.


Baginda bertitah demikian semasa Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda ke-57 di Istana Nurul Iman pada 15 Jamadilawal, 1424 bersamaan 15 Julai, 2003.

Menurut baginda, kemunculan wabak penyakit SARS telah menimbulkan kebimbangan dan cabaran, namun *alhamdulillah*, langkah-langkah tegas lagi komprehensif dapat diambil berupa pencegahan, pengawalan dan pemantauan melalui cara kita sendiri dan juga usaha sama dengan pihak-pihak kesihatan serantau dan pertubuhan kesihatan sedunia.

*"Cara kita sendiri itu termasuk munajat kepada yang Maha Berkuasa, dengan sembahyang Hajat dan berdoa kepadaNya, semoga kita dan negara diselisihkan daripada wabak yang mengerikan ini," titah baginda.*

Menurut baginda lagi, Kerajaan akan terus memberikan keutamaan dalam perkara kesihatan dengan konsep 'mendahulukan pencegahan terhadap sebarang penyakit daripada merawatnya.'

*"Kita tidak menunggu penyakit menyerang kemudian merawat, tetapi sedaya mungkin mengenal pasti punca-punca penyakit sebagai langkah pencegahan. Sebagai contoh, apabila dikenal pasti bahaya rokok kepada kesihatan, maka kerajaan dengan tegasnya mengambil langkah-langkah*



**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan anakanda-anakanda baginda ketika Majlis Doa Kesyukuran sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda ke-57.**

*ke hadapan yang munasabah, termasuk turut menyuarakan pendapat-pendapatnya di dalam forum-forum atau persidangan-persidangan peringkat antarabangsa,"* tegas baginda.

Sementara itu, Majlis Doa Kesyukuran Sempena Perayaan ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda ke-57 telah berlangsung di Jame' Asr Hassanal Bolkiah pada hari Isnin 15 Jamadilawal, 1424 bersamaan 14 Julai, 2003. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke majlis tersebut. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda

'Abdul Mateen.

Majlis didahului dengan sembahyang fardhu Maghrib berjemaah yang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim. Kemudian diikuti dengan bacaan tahlil dipimpin oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman dan doa kesyukuran pula dibacakan oleh Yang Dimulikan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. Sementara sembahyang fardhu Isya' diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, baginda berserta anakanda-anakanda baginda berkenaan menerima junjung ziarah para jemaah.

# Lebih *Istiqamah* Dalam Memelihara Keunggulan Islam

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

**K**ebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menegaskan bahawa kita hari ini sentiasa berhadapan dengan insiden-insiden yang menjelaskan imej Islam.


Untuk itu, titah baginda kita sepatutnya lebih-lebih lagi *istiqamah* dalam memelihara keunggulan agama yang maha suci ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian di Majlis Konvokesyen Universiti Brunei Darussalam Ke 15 yang berlangsung pada 14 Rejab, 1424 bersamaan 11 September, 2003 di Dewan Canselor.

Di majlis itu baginda melahirkan rasa gembira mengetahui usaha UBD menonjolkan imej murni Islam.

"Kerana itulah, beta amat gembira mengetahui adanya usaha Universiti Brunei Darussalam, khususnya Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddien untuk memantap dan menonjolkan imej murni Islam, termasuklah di antaranya menujuhkan Jabatan Penyelidikan Mazhab Syafi'e pengenalan program Diploma Kefahaman Islam, di samping penekanan pendidikan yang berunsurkan sahsiah serta penampilan Muslim, yang telah berjaya menarik perhatian beberapa pihak serantau dan antarabangsa untuk menghantar pelajar-pelajar mereka mengikuti pengajian di universiti ini," titah baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudiannya berkenan mengurniakan ijazah kepada graduan dalam berbagai bidang.



**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, selaku Canselor Universiti Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan titah di Majlis Konvokesyen UBD ke 15.**

## JMK SERTAI PESTA KONVO UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM 2003

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

**J**abatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam buat pertama kalinya menyertai Pesta Konvo Universiti Brunei Darussalam yang berlangsung pada 12 – 17 Rejab, 1424 bersamaan 9 – 14 September, 2003.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Pro-Canselor Universiti Brunei Darussalam telah berkenan menyempurnakan pembukaan rasminya pada hari Selasa 12 Rejab, 1424 bersamaan 9 September, 2003.

Pesta Konvo Universiti Brunei Darussalam 2003 mengandungi beberapa acara termasuk pameran, jualan, persembahan, permainan dan aktiviti riadah, dan pemeriksaan kesihatan untuk orang ramai.

Menurut pihak penganjur Pesta Konvo Universiti Brunei Darussalam 2003 bertujuan bukan saja ingin melihat



**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Pro-Canselor Universiti Brunei Darussalam ketika berangkat menyaksikan gerai Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri di Pesta Konvo UBD.**

beberapa kegiatan mahasiswa serta warga Universiti Brunei Darussalam dalam sama-sama memeriahkan majlis konvokesyen, tetapi juga menunjukkan semangat kerjasama, bersepudu serta komitmen yang tinggi di kalangan warga Universiti Brunei Darussalam bagi menjayakan pesta

konvo ini.

Semasa pesta konvo ini Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri telah mempromosikan buku-buku terbitannya, termasuk Fatwa Mufti Kerajaan dan Irsyad Hukum.

# Wanita Islam Menyertai Sembahyang Jenazah Dan Hukum Menziarahi Dan Berdoa Di Sisi Kubur

## SOALAN:

**Adakah wanita Islam dibenarkan untuk menyertai sembahyang jenazah (pengebumian) dan membaca al-Qur'an serta berdoa (ketika ziarah) hampir dengan tapak kubur seseorang yang mereka sayangi?**

## Jawapan:

الحمد لله والصلوة والسلام على  
 سيدنا رسول الله محمد صلى الله  
 عليه وسلم وعلى آله وأصحابه  
 والصالحين سبيله، والداعين بدعورته  
 إلى يوم الدين وبعد

Menurut *ijmā'* ulama Syafi'iyyah, hukum sembahyang jenazah adalah wajib fardhu *kifayah*.

Cara mengerjakannya tidak disyaratkan berjemaah seperti mana sembahyang Jumaat. Ini bermakna sembahyang jenazah itu memadai sekalipun hanya dilakukan oleh seorang sahaja. Demikian pendapat yang diperakukan oleh al-Jarjani, ar-Rauyani, ar-Rafi'e dan lain-lain. Walaupun demikian mengerjakan sembahyang jenazah secara berjemaah adalah lebih afdhal.

Dalam menuaikan sembahyang jenazah itu, harus bagi wanita menyertainya. Walau bagaimanapun terdapat perselisihan pendapat di kalangan ulama asy-Syafi'iyyah tentang sembahyang jenazah yang dilakukan oleh wanita sahaja sedangkan bersama mereka ketika itu ada orang lelaki. Menurut pendapat yang *ashah*, tuntutan fardhu *kifayah* dalam keadaan begini belumlah terangkat. Ini bermakna orang-orang lelaki yang ada bersama mereka itu mestilah ada antara

mereka yang melakukannya. Jika tidak, tuntutan tersebut terus berkekalan dan kesemua orang Islam yang ada di kampung atau tempat itu masih menanggung dosa.

Berlainan halnya jika di tempat kematian itu hanya wanita sahaja yang ada. Maka sembahyang Jenazah itu menjadi wajib ke atas mereka dan dengan demikian terangkat atau gugurlah tuntutan fardhu *kifayah* kerana menyembahyangkan jenazah itu. Mereka boleh melakukan sembahyang itu dengan cara berseorangan. Jika dilakukan secara berjemaah tidaklah dilarang tetapi sembahyang jenazah berjemaah itu tidak disunatkan bagi wanita, berlainan dengan orang lelaki.

Jika orang yang berada di tempat jenazah itu terdiri daripada lelaki dan perempuan, maka tuntutan fardhu *kifayah* itu ialah khas ke atas orang-orang lelaki sahaja. Adapun perempuan tidak termasuk dalam tuntutan tersebut.

Sekadar ingin memberikan penjelasan sahaja bahawa oleh kerana soalan asal yang diminta menyebutkan "sembahyang jenazah (pengebumian)" sedangkan pengebumian itu suatu perkara yang lain dan tidak boleh disamakan atau disama ertikan dengan sembahyang jenazah, maka jawapan yang diberikan tidak menyentuh perkara penyertaan perempuan dalam upacara pengebumian.

Hukum ziarah kubur orang-orang Islam itu adalah sunat bagi orang lelaki. Memang pada awalnya hukum ziarah kubur itu



*Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam*

dilarang. Kemudian larangan itu dimansukhkan, sebagaimana sabda Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*:

كُنْتُ تَهِيئُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُوْرِ  
 فَرُوْرُوهَا

(Roaah Ahmad dan an-Nasa'i)

**Maksudnya:** "Dahulu aku melarang kamu menziarahi kubur, sekarangbolehlah kamu menziarahinya".

(Hadis riwayat Ahmad dan an-Nasa'i)

Menurut asy-Syeikh Muhammad al-Khathib asy-Syarbini dalam kitabnya *Mughni al-Muhtâj*, larangan yang dimansukhkan dalam hadis di atas adalah terhadap lelaki sahaja. *Dhamîr* yang disebutkan dalam hadis tersebut tidak termasuk wanita. (1/494)

Para ulama Syafi'iyyah telah berselisih pendapat tentang hukum menziarahi kubur bagi perempuan. Namun demikian, menurut pendapat *jumhûr* ulama hukum ziarah kubur bagi perempuan adalah makruh sahaja kerana sifat perempuan yang tidak sabar, cepat tersentuh perasaan dan ditakuti akan menimbulkan perasaan dukacita yang bersanggatan yang boleh menyebabkan dia menangis dan meratapi kubur si mati.

Dalil yang menunjukkan tidak haram bagi perempuan menziarahi kubur ada

dinyatakan dalam sebuah hadis:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ  
قَالَ: مَرَّ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
بِامْرَأَةٍ عِنْدَ فَيْرٍ وَهِيَ تَبْكِي فَقَالَ:  
اَتَقْبِي اللَّهُ وَاصْبِرْ ي

(متفرق عليه)

**Maksudnya:** "Daripada Anas bin Malik RadhiAllahu 'anhu berkata: "Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam berjalan melintasi seorang perempuan yang sedang menangis di satu tempat perkuburan, lalu Baginda Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: "Bertaqwalah engkau kepada Allah dan bersabarlah."

(Hadis muttafaq 'alaih)

Berdasarkan hadis di atas dapat difahami bahawa menziarahi kubur bagi perempuan itu bukan haram, kerana jika perbuatan tersebut dihukumkan haram, nescaya Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* menegur ataupun melarang perempuan tersebut daripada menziarahi kubur.

Menurut sebahagian ulama pula, perempuan yang menziarahi kubur, jika menyebabkan akan menimbulkan semula perasaan dukacita dan untuk meratapi si mati, maka haram baginya menziarahi kubur. Hukum ini didasarkan kepada hadis Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam*:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ  
النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَعَنَ  
زُوَارَاتِ الْقُبُورِ

(رواہ ابن ماجہ والترمذی)

**Maksudnya:** "Dari pada Abu Hurairah Radhiyallahu 'anhu bahwasanya Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam melaknat perempuan-perempuan yang menziarahi kubur."

(Hadis riwayat Ibnu Majah dan at-Tirmidzi)

Adapun jika tujuan menziarahi itu ialah untuk mengambil *i'tibâr*, mengingati kematian, alam *barzakh* dan alam akhirat, tanpa adanya ratapan dan tidak pula menimbulkan perasaan dukacita yang bersanggatan, maka dalam hal ini makruh bagi perempuan menziarahi kubur.

Berkata Imam an-Nawawi *Rahimahullahu Ta'ala* di dalam kitabnya al-Majmu' Syarh al-Muhadzdzab bahawa pendapat ini adalah pendapat yang bagus.

Maka di sini dapat disimpulkan bahwasanya makruh bagi perempuan menziarahi kubur walaupun dapat menjaga adab kesopanan, dapat menahan dirinya daripada kesedihan yang bersanggatan dan aman daripada segala fitnah, baik dari segi persekitaran maupun masa berziarah.

Di antara adab-adab yang perlu dijaga oleh perempuan ketika menziarahi kubur ialah:

- (i) Hendaklah dia ditemani oleh suami ataupun *mahramnya*.
  - (ii) Keluar dalam keadaan menutup aurat sepenuhnya seperti mana yang digariskan oleh Islam.
  - (iii) Jangan selalu pergi berziarah ke kubur.
  - (iv) Tidak berbual dengan percakapan kosong seperti yang dilarang bagi kaum lelaki kerana Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* ada bersabda yang berbunyi:

نَهِيْكُمْ عَنِ زِيَارَةِ الْقُبُوْرِ فَمَنْ أَرَادَ  
أَنْ يَزُورْ فَلْيَعْزِرْ وَلَا تَقُولُوا هُجْرَا

(رواہ المسائی)

**Maksudnya:** "Dahulu aku mlarang kamu menziarahi kubur, maka (sekarang), siapa yang ingin menziarahi kubur, berziarahlah, dan janganlah kamu bercakap-cakap dengan perkataan yang bâhil."

(Hadis riwayat an-Nasa'i)

Hukum makruh itu boleh berpindah kepada haram, jika ziarahnya itu boleh menimbulkan semula kesedihan sehingga menyebabkan dia menangis, meraung dan meratapi si mati. Begitu juga, haram bagi perempuan menziarahi kubur jika dia tidak menjaga adab kesopanan semasa berziarah, tidak aman daripada segala fitnah atau seumpamanya.

Adab Menziarahi Kubur

Sebelum menziarahi kubur, disunatkan kita berwudhu', memakai pakaian yang sopan dan menutup aurat. Kemudian barulah kita bertolak menuju ke tanah perkuburan dengan membulatkan hati, berniat ikhlas selari dengan tujuan-tujuan ziarah sebagaimana yang telah disebutkan terdahulu.

Apabila kita sampai ke tanah

perkuburan, disunatkan kita memberi salam kepada ahli atau penghuni kubur sebagaimana yang dijelaskan dalam hadis riwayat Muslim:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعْلَمُهُمْ إِذَا خَرَجُوا إِلَى الْمَقَابِرِ: السَّلَامُ عَلَيْكُمْ يَا أَهْلَ الدِّيَارِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُسْتَلِمِينَ وَإِنَّ اللَّهَ شَاءَ اللَّهُ لِلأَحْقَوْنَ. أَسْأَلُ اللَّهَ لَنَا وَلَكُمُ الْعَافِيَةَ.

(رواه مسلم)

**Maksudnya:** "Sesungguhnya Rasuhullah Sallallahu 'alaihi wasallam mengajar mereka sekiranya menziarahi kubur (supaya mengucapkan): "Mudah-mudahan Allah limpahkan salam sejahtera kepada kamu sekalian wahai penghuni kampung-kampung mukminin dan muslimin, dan sesungguhnya kami Insyâ' Allah akan bertemu kamu. Saya memohon kepada Allah afiat untuk kami dan untuk kamu sekalian."

(Hadis riwayat Muslim)

Perbuatan memberi salam itu afdalnya dilakukan dalam keadaan kita berdiri di tepi perkuburan dengan membelakangi qiblat dan menghadap ke arah muka ahli kubur yang diziarahi.

Perlu juga kita ketahui bahawa walaupun dengan hanya melintasi mana-mana kubur orang-orang Islam sekalipun tanpa niat ziarah secara khusus, kita juga disunnatkan memberi salam kepada mereka dan berdoa untuk keselamatan mereka. Ini berdasarkan hadis Rasulullah *Sallallahu 'ala'ihi wasallam* ketika ditanya oleh Abu Razin:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ أَبُو رَزِينَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ طَرِيقَى عَلَى الْمُؤْمِنِ فَهِلْ مِنْ كَلَامٍ أَنْتَ كَلَمُ بِهِ إِذَا مَرَرْتُ عَلَيْهِمْ؟ قَالَ: قُلِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ يَا أَهْلَ الْقُبُورِ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُؤْمِنِينَ أَتَشْ لَنَا سَلْفًا وَتَخْنُ لَكُمْ تَبَعَّ وَإِنَّ شَاءَ اللَّهُ يَكُمْ لَا حَقُونَ. قَالَ أَبُو رَزِينَ: يَا

رَسُولُ اللَّهِ، يَسْمَعُونَ؟ قَالَ:  
يَسْمَعُونَ وَلَكِنْ لَا يَسْتَطِعُونَ أَنْ  
يُحْيِوْا (أَيْ جَوَابًا يَسْمَعُهُ الْحَرَقُ)  
قَالَ: يَا أَبَا رَزِينَ أَلَا تُرْضِي أَنْ يُرْدَ  
عَلَيْكَ بَعْدَهُمُ الْمَلَائِكَةُ؟

(أخرجه العقيلي)

**Maksudnya:** "Daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu katanya: "Abu Razin bertanya: "Ya Rasulullah! Sesungguhnya dalam perjalananku (menuju ke rumahku) melintasi tanah perkuburan, apakah ada bacaan yang patut saya ucapkan jika saya melalui mereka?" Jawab Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam: "Bacalah: "Mudah-mudahan Allah limpahkan keselamatan ke atas kamu wahai ahli kubur daripada muslimin dan mukminin, kamu semua telah mendahului kami, dan kami akan menyusul kamu dan sesungguhnya kami - Insya Allah -, akan menyusuli kamu." Abu Razin bertanya lagi: "Wahai Rasulullah, adakah mereka mendengar?" Jawab Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam: "Mereka mendengar dan tidak dapat menjawab (iaitu jawapan yang boleh didengar oleh orang hidup)." Kemudian Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: "Ya Abu Razin! Adakah engkau tidak suka bila (salam) kamu dijawab oleh para malaikat?"

(Ditakhrijkan oleh Al-'Uqili)

Selepas memberi salam, kita disunatkan pula membaca al-Qur'an, teristimewanya membaca surah al-Ikhlas sebanyak sebelas kali atau membaca surah Yāsīn, dan setelah itu hadiahkan pahala bacaan itu kepada mereka, sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam di dalam sabda Baginda yang diriwayatkan oleh ad-Daraquthni:

مَنْ مَرَّ عَلَى الْمَقَابِرِ وَقَرَأَ قُلْ هُوَ  
اللَّهُ أَحَدٌ إِحْدَى عَشْرَةَ مَرَّةً ثُمَّ  
وَهَبَ أَجْرَهُ لِلأَمْوَاتِ أَعْطَى مِنَ  
الْأَخْرِيْرِ بَعْدَ الْأَمْوَاتِ.

**Maksudnya:** "Sesiapa yang melintasi di kawasan perkuburan lalu membaca sebelas kali, kemudian menghadiahkan pahala bacaan itu untuk orang-orang yang mati, maka dia akan diberi pahala sebanyak bilangan (pahala)

orang-orang yang mati."

(Hadis riwayat ad-Daraquthni)

Terdapat juga sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud, Nasa'i dan dianggap *shahih* oleh Ibnu Hibban:

أَفْرُوا عَلَى مَوْتَاكُمْ يَسِ

**Maksudnya:** "Bacalah ke atas keluarga kamu yang telah mati akan surah Yāsīn."

Setelah itu disunatkan kita berpaling ke arah qiblat serta mengangkat kedua-dua belah tangan untuk berdoa.

#### Larangan-Larangan Semasa Menziarahi Kubur

Terdapat beberapa larangan yang perlu dielakkan oleh orang-orang yang hendak menziarahi kubur. Di antaranya:

- (i) Meratap, memekik atau memukul-mukul pipinya (kerana bersanggatan dukacita).

Larangan ini adalah berdasarkan hadis Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam:

لَيْسَ مِنَّا مَنْ ضَرَبَ الْخُدُودَ وَشَقَ  
الْجُيُوبَ وَدَعَاهُ بِدَعْوَى الْجَاهِلِيَّةِ  
(متفق عليه)

**Maksudnya:** "Tidak termasuk di dalam golongan kami orang yang memukul-mukul pipinya, mengoyak-ngoyak koceknnya, berteriak-teriak seperti yang dilakukan oleh orang-orang jahiliah."

(Hadis muttafaq 'alaih)

Adapun sedih dan mengalirkan airmata tanpa ratapan tidaklah dilarang, kerana kesedihan dan mengalirkan airmata itu tanda rasa kasih kepada ahli kubur atau merasa insaf tentang hari kematian.

- (ii) Makruh duduk atau merangkak di atas kubur dan makruh bersandar pada kubur.

Larangan ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ  
وَسَلَّمَ: لَأَنْ يَحْلِسَ أَحَدُكُمْ عَلَى  
جَمَرَةٍ فَتَحْتَرِقَ تِبَاعَهُ فَتَخْلُصَ إِلَى  
وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِالصَّرَابِ

جَلَدَهُ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَحْلِسَ عَلَى  
فَبَرِ

(رواه مسلم وأبو داود والنسائي وأبي ماجه)

**Maksudnya:** "Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: "Seseorang yang duduk di atas bara api lalu terbakar pakaiannya sehingga terkupas kulitnya, adalah lebih baik baginya daripada dia duduk di atas kubur."

(Hadis riwayat Muslim, Abu Daud, an-Nasa'i dan Ibnu Majah)

Akan tetapi tidaklah dilarang duduk di sekitar atau di sekeliling kubur sebagaimana hadis daripada Ali Karramallah wajhah:

كَمَا فِي حَيَّازَةِ فِي بَقِيعَ الْغَرْقَدِ  
فَأَتَانَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
فَقَعَدَ وَقَعَدْنَا حَوْلَهُ وَمَعْهُ مَحْصَرَةً  
(رواه البخاري)

**Maksudnya:** "Suatu ketika kami semua berada di Baqi' al-Gharqad untuk menghantar jenazah seseorang. Pada saat itu Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam mendatangi tempat kami, lalu Baginda Sallallahu 'alaihi wasallam duduk dan kami semua pun duduk mengelilinginya dan bersama Baginda ada sebatang tongkat."

(Hadis riwayat al-Bukhari)

- (iii) Tidak harus memijak kubur tanpa keperluan (hajat) kerana memijak itu seperti hukum duduk. Walau bagaimanapun jika tidak ada jalan menuju ke kubur yang hendak diziarahi itu, melainkan memijak kubur (yang lain), maka ketika itu harus memijak kubur, kerana adanya keuzuran.

- (d) Haram melakukan perkara-perkara *khurafat* yang menjelaskan aqidah seperti mencium kubur, mengusap-usap tanah perkuburan dan yang seumpamanya.

Berdasarkan penjelasan-penjelasan di atas, hukum asal bagi wanita Islam menziarahi kubur adalah makruh tertakluk kepada adab sopan dan lain-lain tuntutan yang berkaitan dengan hukum ziarah itu. Mereka juga boleh bahkan sunat membaca ayat-ayat al-Qur'an dan berdoa kepada si mati.

## DENGAN ZIKRULLAH HATI TENANG DAN TENTERAM

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

**Y**ang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maahraja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan menjelaskan bahawa dengan *zikrullah* hati manusia akan tenang dan tenteram.

*Zikrullah* itu menurut Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin ialah ingatkan Allah seperti menyebut namaNya sebelum melakukan sesuatu, membaca ayat-ayat al-Qur'an, sembahyang *Dhuha* dua rakaat sebelum melakukan apa-apa kerja di pejabat dan seumpamanya.


"*Ini semua zikrullah. Kalau ini ada pasti hati akan tenang, secara otomatis ia tenang. Mengapa ia tenang? Kerana ia terikat dengan Allah, tidak lepas daripada Allah. Hati yang tidak terlepas daripada Allah adalah hati yang besar, hati yang gagah dan perkasa. Ribut mana pun datang tidak akan dapat menggoncangkannya,*" tegas Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin.

Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin berucap demikian dalam ceramah Bersama Mufti sempena sambutan Isra' dan Mi'raj Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-Jabatan di bawahnya yang dikendalikan oleh Jabatan Percetakan Kerajaan pada 1 Sya'ban, 1424 bersamaan 26 September, 2003 di Surau Darulifta Brunei Darussalam.



Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz ketika berangkat hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya yang telah diadakan di Darulifta Brunei Darussalam.

Rancangan Bersama Mufti merupakan salah satu acara di Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya.



## PROGRAM SATU SESI BERSAMA MUFTI

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Seramai 100 orang peserta kursus termasuk pengendali program dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah mengadakan lawatan ke Darulifta Brunei Darussalam pada hari Khamis 23 Jamadilakhir, 1424 bersamaan 21 Ogos, 2003.

Aturcara lawatan termasuk program Satu Sesi Bersama Mufti, di mana mereka berkesempatan mendengar nasihat melalui ceramah Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Dua perkara penting yang dipesan oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin semasa sesi itu ialah dengan membiasakan diri sentiasa dalam berwudhu dan sentiasa menjaga waktu sembahyang. "*Inilah ubat yang paling besar dan berkesan untuk membentuk*



Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned ketika memberikan ceramah kepada pegawai dan peserta Kursus Semasa Satu Sesi Bersama Mufti.

*diri sebagai insan yang berguna,*" menurut Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin.

Selain Satu Sesi Bersama Mufti para peserta juga dibawa melihat Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.



# DEVELOPING SOCIAL AND ECONOMIC WELFARE THROUGH (ZAKAT)

Oleh: Siti Alawiyah binti Haji Mohd. Zainal

## Introduction:

*Zakat* in Arabic means purification, cleansing and increasing of wealth.

In this sense, *zakat* has a spiritual and ritual significance together with an economic and functional purpose. This is because, firstly, it purifies the soul of the giver by affording him regular training in freeing himself from being subjugated by niggardliness for the sake of the community. Secondly, it cultivates mutual sympathy among various classes in the society.

Allah Subhanahu wa Ta'ala has ordained every Muslim who possesses a certain amount of property to pay yearly the *zakat* on his belongings to the poor or the other *asnâf* (categories eligible for *zakat*) mentioned in the Qur'an. Allah says:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ  
وَتُزْكِيُّهُمْ بِهَا

(Surah al-Tawba: 103)

**Meaning:** "Take alms of their wealth, that thou may cleanse and purify them thereby." (Surah at-Taubah: 103)

Allah says:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَإِذَا أَرْكَحْتُمْ  
وَأَطْبِعُوا الرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

(Surah al-Tawba: 56)

**Translated:** "Establish worship and pay the poor-due and obey the Messenger; that haply ye may find mercy."

(Surah at-Taubah: 54)

## Economic and Social Stability

Islam permits differences in wealth within reasonable limits but does not allow these differences to grow so wide that some people spend their life in luxury while the great majority of people are left to lead a life of misery, hunger and starvation. The wide gap between the rich and the poor would lead to the escalation of inequalities which in return

would result in mutual enmity and hostility among groups within the community and gradually destroys the economic life of the people.

Allah Subhanahu wa Ta'ala says in the Qur'an:

فِإِذَا أَرْدَنَا أَنْ نُهَلِّكَ قَرْيَةً أَمْزَنَّا  
مُشْرِفَيْهَا فَفَسَقُوا فِيهَا فَحَقٌّ عَلَيْهَا  
الْقَوْلُ فَدَمَّرْنَاهَا ثَدِيرًا

(Surah al-Isrâ': 16)

**Translated:** "And when We decide to destroy a town (population), We send a definite order (to obey Allah and be righteous) to those among them [or We (first) increase in number those of its population] who lead a life of luxury. Then, they transgress therein, and thus the word (of torment) is justified against it (them). Then We destroy it with complete destruction."

(Surah al-Isrâ': 16)

When economic inequalities become inequitable trends and the poor turn powerless captives in the hands of the rich in the society, it is a signal for the destruction of those people. In fact this situation would never occur where the institution of *zakat* is fully in operation and plays its vital role in society.

In a prophetic tradition, the Prophet Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam has said to Mua'adz when he (Mu'adz) was sent to Yemen and which means: "Invite the people to testify that لَمْ يَأْنِ إِلَّا إِنِّي أَنَا أَنَا (none has the right to be worshipped but Allah) and I am Allah's Messenger; and if they obey you to do so, then inform them that Allah has enjoined on them five salât (prayers) in every day and night, and if they obey you to do so, then inform them that Allah has made it obligatory for them to pay the *Sadaqa* (*Zakat*) from their properties and it is to be taken from the wealthy among them and given to the poor among them."

(Hadith narrated by al-Bukhari)

## a Way of poverty solving

### The Obligation of *Zakat*

The obligation of *zakat* was ordained in the second year of Hijriyyah and according to the book al-Mawâhib, *zakat al-fitri* was made compulsory two days before the 'eid al-Fitri in the second year of Hijriyyah.

The payment of *zakat* (poor due) is obligatory as it is one of the five pillars of Islam, which requires that 2.5 of our savings should be given to the poor and needy as a poor-rate. The role of *zakat*, indeed, is to help overcome or fulfil the needs of the poor. The aim of extending *zakat* to the poor is primarily to eradicate the roots of their poverty, and it is a major economic means for establishing social justice and leading the Muslim society to prosperity and security.

Accordingly, the poor have been given the right to receive *zakat*.

Failure to pay *zakat*, or if someone whose wealth has reached the *nisâb* (limit prescribed for paying the *zakat*) refrains from making *zakat* payment, he will be answerable to Allah and he will be punished by Allah as the Prophet Muhammad says in a *hadîth* which means:

'Whoever is made wealthy by Allah and does not pay the zakat of his wealth will be made like a bald-headed poisonous male snake with two black spots over the eyes (or two poisonous glands in its mouth). The snake will encircle his neck and bite his cheeks and say: "I am your wealth, I am your treasure". Then the Prophet Sallallahu 'alaihi wasallam recited the holy verse: "(Let not those who covetously withhold".... to the end of the verse).

(Hadith narrated by al-Bukhari)

### To Whom Zakat Is To Be Given

*Zakat* is meant for eight types of classes as Allah mentions in the Holy Qur'an:

إِنَّمَا الْصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ  
وَالْعَمِيلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةِ قُلُوبُهُمْ

وَقِيَ الْرِّقَابِ وَالْغُرَمِينَ وَقِيَ سَبِيلِ اللَّهِ  
وَأَتَنَ الْسَّبِيلَ فِي كِبَةِ مِنْ اللَّهِ وَاللَّهُ  
عَلِيمٌ حَكِيمٌ

(سورة التوبة: ٦٠)

**Meaning:** "As-Sadaqāt (zakat) are only for the fuqarā' (needy), and al-masākin (the poor) and those employed to collect (the funds); and to attract the hearts of those who have been inclined (towards Islam); and to free the captives; and for those in debt; and for those in Allah's cause i.e. for mujahidūn – those fighting in a holy battle), and for the wayfarer (a traveller who is cut off from everything); a duty imposed by Allah. And Allah is All-Knower, All-Wiser."

(Surah at -Taubah: 60)

The following are the lists of people who have the right to receive zakat:

1. The poor who are unfit physically or otherwise, to earn a living.
2. The needy who may be able to earn their livelihood but lack the means.
3. The official appointed in connection with the collection of zakat.
4. People whose hearts are reconciled. They are given zakat to soften their hearts and the hearts of their clans towards Muslims in order to consolidate, defend and propagate the faith of Islam.
5. The payment for emancipation of slaves. The specific mention of this item shows that Islam aims at the abolition of slavery and therefore has assigned a part of the zakat revenue allocated to the liberation of slaves.
6. Debtors who are harassed by their creditors and are unable to pay their debts.
7. For the cause of Allah, i.e. mujahidūn or those who are fighting in the holy war against infidels.
8. The wayfarers or travellers who have lost all means to continue their journey and reach their destination. They should be accorded help from the zakat funds, even if they were rich in their hometown.

## Knowledge in the Distribution of Zakat

Every zakat payer should know about the payment and distribution of his zakat. This is the case if the individual pays his zakat and distributes it personally to the poor.

However, if it is not personally distributed to the poor, rather it is paid to the 'amil/ Council/Baitulmāl, then it is no longer his responsibility to know about the distribution of his zakat. It is up to the 'amil to distribute it in accordance with the Council's/Baitulmāl's procedures, upon whom lies the responsibility of setting the procedure for distribution of zakat collected from the public.

However, those who pay their zakat to authorised 'amil from the Council/Baitulmāl, have the right to nominate a name (of a poor person) or some other asnāf, who is a relative, to be given the zakat.

Here, it is the responsibility of the Council/Baitulmāl to conduct investigations into the eligibility of the said candidate to receive zakat. If he is found to be eligible, then he has the right to be given zakat at a rate suitable to his needs.

## Distributing Zakat to Relatives

The objective here is to exercise one of the methods of zakat distribution - "zakat is best (afḍhal) given to a poor relative" upon whom it is not obligatory to provide nafkah (maintenance). By so doing, the payer would have the rewards of silaturahim and charity, as mentioned in the *hadīth*:

الصَّدَقَةُ عَلَى الْمُسْكِنِ صَدَقَةٌ،  
وَعَلَى ذُو الرَّحْمَةِ ثَنَانٌ: صَدَقَةٌ  
وَصَلَةٌ

(رواه النسائي والترمذى)

**Meaning:** "Giving charity/zakat only to the poor (who are not kinsmen) is just an act of charity (a single reward). But to give to kins (who are eligible due to poverty or other reasons) is of two-fold reward: the reward for charity and the reward for connecting kinship ties."

(Hadith narrated by Nasā'i and Tirmidzi)

The word 'sadaqah' (charity) in the *hadīth* (prophetic tradition) includes zakat and tatawwu' (supererogatory charity).

It is not recommended that zakat be distributed to kins who are far away when the nearest kin has need of it. The Prophet Sallallahu 'alih wasallam has said:

وَالَّذِي بَعَثْنَا بِالْحَقِّ، لَا يَقْبَلُ اللَّهُ  
صَدَقَةً مِنْ رَجُلٍ، وَلَهُ قَرَائِبٌ  
مُحْتَاجُونَ إِلَيْهِ صِلَتِهِ، وَيَصْرُفُهَا إِلَى  
غَيْرِهِمْ، وَالَّذِي تَفْسِي بِيَدِهِ لَا يَنْطُرُ  
اللَّهُ إِلَيْهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

(رواہ الطبرانی)

**Meaning:** "By Allah who has sent me with the truth, charity (zakat) is not accepted by Allah from someone when his close kins need the kinship ties and he distributes it to those other than them and by Allah who has my life in His hands, Allah will not look upon him on the Day of Judgement."

(Hadith narrated by at-Tabarani)

Imam Nawawi stated in his book *al-Majmū'*: "Imam at-Tabari, Imam Sarkashi and others from the *ashāb as-Shafi'e* group said: "(When) a donor chooses among his relatives (whom he wants to give zakat of his assets to or whom he wants to nominate so that they can be given (zakat) by the government), it is *sunnah* that he chooses those who display enmity towards him, so that they could be pacified and cordial relationship can be restored."

## The Concept of Harmony in Islamic Economy

The economic system of Islam is based on the concept of complete harmony between societal and individual virtues. It does not separate a person from society or regard his welfare as conflicting with that of society. In Islam, individual and social welfare are closely linked. The payment of zakat at the rate of 2.5% on all savings for the advantage of the needy and the poor in the community is regulated by *shara'* in Islam. This regulation is within the boundary of the Islamic economic system and its main aim is to educate and train the people to achieve Islamic morality in society. *Wallahu a'lam*

## DARULIFTA BRUNEI DARUSSALAM TERUS DIKUNJungi

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Darulifta Brunei Darussalam yang terletak di Jalan Pengiran Babu Raja, terus mendapat perhatian pelawat dari dalam dan luar negeri. Ia mempunyai dua blok bangunan. Di blok pertama yang menempatkan pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan, mempunyai ruang Pameran Perkembangan Jabatan, bilik-bilik mesyuarat dan taklimat, dan ruang legar yang boleh digunakan untuk majlis-majlis. Sementara blok kedua ditempatkan Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Perpustakaan Islam Brunei. Selain itu blok ini mempunyai surau yang juga digunakan untuk majlis-majlis ilmu seperti persidangan, seminar, rakaman Bersama Mufti dan majlis-majlis keagamaan.

Pada hari Selasa, 7 Jamadilakhir, 1423 bersamaan 5 Ogos, 2003, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri Malaysia, Brigadier Jeneral (B) Datuk Haji Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin telah mengadakan lawatan ke Darulifta Brunei Darussalam. Rombongan telah dialu-alukan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Abdul Aziz bin Juned.

Pada hari Rabu 22 Jamadilakhir, 1424 bersamaan 20 Ogos 2003, pula Ketua Pengarah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) Dr. Haji Abd. Malek Awang Kechil dan rombongan telah melawat Darulifta Brunei Darussalam, dengan mengadakan kunjungan kepada Mufti Kerajaan, perjumpaan dengan pegawai-pegawai kanan Jabatan Mufti Kerajaan dan melawat Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Terdahulu dari itu, pada hari Khamis 19 Rabiulakhir, 1421 bersamaan 19 Jun 2003, seramai lebih 50 orang ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, belia dan jemaah Masjid Kampong Perpindahan Serasa, Muara, telah melawat Darulifta Brunei Darussalam.

Sementara pada 1 Jamadilawal, 1424 bersamaan 1 Julai 2003 pula seramai 40 orang peserta Kursus Asas Pengawal Keselamatan Skuad 01/2003



Yang Berhormat Brigadier Jeneral (B) Datuk Haji Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin ketika melawat Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah bersama Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Timbalan Mufti Kerajaan dan rombongan.



Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan ketika menyampaikan cenderamata kepada Ketua Pengarah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia, Dr. Haji Abd Malek Awang Kechil.



Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, belia dan jemaah Masjid Kampong Perpindahan (kanan) dan peserta Kursus Asas Pengawal Keselamatan Skuad 01/2003 Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (atas kiri).

bersama pegawainya juga mengunjungi Darulifta Brunei Darussalam.

Rombongan pelawat telah dialu-alukan oleh pegawai-pegawai kanan Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri. Sebelum dibawa melawat pameran perkembangan jabatan dan Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah mereka diberikan taklimat mengenai dengan institusi fatwa dan perkembangannya.

Pada hari Isnin 18 Rejab, 1424 bersamaun 15 September 2003, serombongan jemaah masjid dan surau Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim telah melawat Balai pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Mereka telah dialu-alukan dan diberikan taklimat ringkas mengenai Jabatan Mufti Kerajaan dan balai pameran.



*Rombongan Jemaah Masjid dan Surau Johor Bahru, mendengar Taklimat sebelum melawat Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.*



*aham Serasa, Muara ketika mendengar taklimat mengenai institusi fatwa (atas bersama pegawainya diberikan penerangan sebelum melawat Balai Pameran*

# Festival Buku Sabah 2003

*Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali*

Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam buat julung-julung kalinya menyertai Festival Buku Sabah 2003 yang berlangsung pada 27 Rejab – 2 Sya'ban, 1424 bersamaan 24 – 28 September, 2003 bertempat di bangunan SESB Karamunsing, Kota Kinabalu, Sabah.

Festival tersebut yang dianjurkan oleh Persatuan Perpustakaan Sekolah Negeri Sabah (PPSNS) dengan kerjasama Majlis Buku Kebangsaan Malaysia telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Rahim Ismail, Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah pada hari Rabu 27 Rejab, 1424 bersamaan 24 September, 2003.

Dalam ucapan perasmiannya Datuk Abdul Rahim menyeru generasi muda khususnya pelajar agar membudayakan aktiviti membaca bagi menghasilkan generasi berilmu yang berkemampuan menerajui kepimpinan negara di masa akan datang.

Seramai lebih 30 buah gerai telah disediakan oleh pihak pengajur dan kebanyakannya disertai oleh penerbit dan pengedaran buku dari Malaysia.

Selain festival buku ini, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri telah menyertai Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur, Indonesia Book Fair, dan Jakarta Islamic Book Fair.



*Yang Berhormat Datuk Abdul Rahim Ismail, Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah ketika melawat gerai Jabatan Mufti Kerajaan, sejurus selepas merasmikan Festival Buku Sabah 2003.*

# Imam asy-Syafi'e Radhiallahu 'anhu

Oleh: Haji Mohd. Nur Lubis bin Haji Abd. Razak

(Siri Kedua)

Dalam siri pertama telah diterangkan mengenai dengan sejarah hidup Imam Syafi'e Radhiallahu 'anhu, bermula sewaktu beliau dalam kandungan sehingga mengasaskan mazhab Syafi'e. Ini termasuk ketika beliau menuntut ilmu di Makkah, Madinah, Iraq dan Yaman.

## Qaul Qadim.

Semasa berada di Iraq buat kali ketiga, Iman Syafi'e sudah berusia 48 tahun, 40 tahun daripadanya digunakan untuk mencari ilmu. Beliau yang banyak menimba ilmu, telah belajar kepada pemuka-pemuka mazhab Maliki dan Hanafi. Beliau telah menghafal al-Qur'an dan ilmu-ilmunya, menghafal beribu-ribu hadis, dan ilmu-ilmu ulama *salaf*. Beliau berupaya mengeluarkan fatwa berdasarkan analisis dan pendapat sendiri tanpa memakai sistem kedua-dua mazhab guru-gurunya; mazhab Hanafi dan mazhab Maliki. Dengan kata lain beliau telah berupaya berijtihad sendiri.

Pada ketika inilah beliau mula mengarang kitab terkenal ar-Risalah, kitab usul fiqh yang pertama didisiplinkan. Di negeri inilah mula-mula beliau mengeluarkan fatwa dan hukum yang berdasarkan *ijtihadnya* sendiri yang kemudiannya dikenali dengan *qaul qadim*. *Qaul* ini terdapat dalam kitabnya seperti *al-Hujjah* dan *al-Imla*.

Fatwa dan *ijtihad* beliau disampaikan dalam majlis-majlis ilmu kepada murid-murid beliau. Antara murid beliau yang terkenal periyawat dari *qaul* ini ialah Ahmad bin Hanbal Radhiallahu 'anhu, yang kemudian mengasaskan mazhabnya sendiri pula yang dikenali dengan mazhab Hanbali.

## Di Mesir.

Pada bulan Syawal, 198H. beliau berangkat ke Mesir. Sebelum berangkat, beliau sempat bersyair kepada muridnya Ahmad bin Hanbal.

*Aku rindu pergi ke Mesir, untuk melihat sungai atau pasir; untuk kebesaran atau kekayaan, atau ini bermakna perkuburan.*

Sampai di Mesir beliau disambut oleh gabenornya Abbas bin Musa. Beliau tinggal Di Mesir sehingga tahun 204H bersama muridnya Abdullah bin al-Hakam yang pernah datang belajar dengan Imam Malik di Madinah.

## Qaul Jadid.

Di Mesir beliau mengajar di Masjid 'Amr bin al-'Ash tidak jauh dari tempat tinggalnya. Di sinilah beliau mengajar dan memfatwakan hukum-hukum hasil *ijtihadnya* sendiri. Hasil *ijtihad* ini ada yang tidak sama dengan yang pernah dikeluarkannya di Iraq.

Hasil *ijtihad* beliau yang diajarkan dan disampaikan kepada murid-muridnya di Mesir inilah yang dikenali sebagai *qaul jadid*.

Antara murid beliau yang paling menonjol mengembangkan *qaul* ini ialah al-Buwaihi, ar-Ruba'e bin Sulaiman, Abu al-Jarud al-Makki, al-Muzani, Ibnu Suraj dan banyak lagi.

*Qaul* ini terdapat dalam kitab-kitabnya seperti kitab al-Umm, al-Mukhtashar dan al-Buwaithi.

## Kepintaran.

Salah satu yang menarik dalam kehidupan ilmiah beliau ialah ketika belajar diusia kecilnya di mana beliau mengajar sebagai ganti bayaran kepada gurunya.

## Kemurahan Hati.

'Amr bin Sawad as-Sarhi berkata: "Asy-Syafi'e Rahimahullah adalah orang yang sangat pemurah tentang Dinar, Dirham dan makanan".

Hal ini dapat dilihat daripada peristiwa berikut:

- Al-Baihaqi mencatatkan pengakuan al-Humaidi seperti berikut: "Ketika as-Syafi'e berangkat daripada San'a (Yaman) menuju kota Makkah, beliau membawa wang sebanyak sepuluh ribu Dinar. Sebelum memasuki kota Makkah, beliau berkhemah di luar kota untuk membolehkan beliau menyambut ziarah orang ramai dan membahagi-bahagikan wang itu kepada mereka sehinggalah habis kesemuanya."

- Ketika beliau hendak keluar istana Khalifah Harun ar-Rasyid semasa ke Baghdad kali kedua, Khalifah memberi hadiah kepada beliau

sebanyak lima puluh ribu Dinar. Mengikut catatan Yaqt al-Hamawi dalam *Mu'jam al-Udaba*, hadiah tersebut telah habis dibahagi-bahagikan beliau kepada pengawal dan pegawai istana Khalifah sebelum beliau sempat keluar pintu istana.

3. Imam Syafi'e bercerita: "Semasa Hari Raya saya tidak memiliki perbelanjaan. Keluarga saya mencadangkan agar saya meminjam wang. Saya pun meminjam wang sebanyak tujuh puluh Dinar; dua puluh Dinar saya simpan untuk perbelanjaan keluarga dan bakinya saya sedekahkan. Dalam keadaan sedemikian, saya didatangi seseorang daripada suku Quraisy meminta bantuan. Saya memberitahu keadaan saya dan berkata kepadanya: "Ambillah berapa yang engku inginkan". Lelaki itu berkata: "Dinar-dinar ini belum cukup lagi". Saya berkata: "Ambillah lagi". Akhirnya pada malam itu saya tidak memiliki walau satu Dirham atau Dinarpun.

4. Ar-Rubai' bercerita bahawa semasa Imam Syafi'e menunggang keldai, pernah terjatuh cemeti beliau. Lalu seorang budak mengambilnya dan membersihkannya dengan telapak tangannya, kemudian menyerahkannya semula kepada Imam Syafi'e. Selepas menerima, Imam Syafi'e berkata kepada pengiring: "Berikan wang yang ada kamu bawa kepada budak ini!".

## Ibtila'.

Di dalam kitab *Manaqib asy-Syafi'e*, al-Baihaqi *Rahimahullah* mencatatkan pelbagai musibah yang pernah menimpah Imam Syafi'e Radhiallahu 'anhu.

Di antaranya:

Ar-Rubai'e bin Sulaiman *Rahimahullah* berkata: "Di sinilah Syafi'e pernah tinggal selama empat tahun. Di sinilah dia mengimlakkan (menuliskan) seribu lima ratus lembar, dan dia mengeluarkan kitab al-Umm dalam seribu lembar, kitab as-Sunan dan banyak lagi yang lain yang kesemuanya dalam empat tahun. Adalah beliau sentiasa sakit dan sakit sangat, sehingga kadang-kadang darah keluar daripadanya semasa menunggang, lalu melimpah ke seluar, tunggangan dan kasutnya".

## Sakit dan Tarikh Wafat.

Setelah berada di Mesir mengembangkan mazhabnya menerusi *talqiqi* ilmu kepada anak muridnya dan menerusi karya penulisannya, mengikuti riwayat al-Bukhari beliau kembali ke *Rahmatullah* di Mesir dalam usia 54 selepas sembahyang Maghrib, hari Khamis malam Jumaat, akhir bulan Rajab tahun 204H. bersamaan 28hb. Jun, 819M. Radhiallahu 'anhu.

Ralat: Terdapat Sedikit kesilapan ejaan di *mukaddimah*. Ejaan 'Utsman bin Syafi'e, yang betulnya ialah 'Utsman bin Syafi'

Disambung pada keluaran yang akan datang.

# Bagaimana Pengendalian Kerja-kerja Post-Mortem?

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

**B**agaimanakah kedudukan organ-organ dalam tubuh manusia apabila meninggal dunia? Selain merujuk kepada pendapat ulama, ada kalanya penjelasan hukum itu memerlukan kepada penjelasan pakar-pakar tertentu.

Hal seumpama ini sentiasa dilakukan dari semasa ke semasa oleh pegawai-pegawai di Bahagian Istibat dan Bahagian Penyelidikan Jabatan Mufti Kerajaan melalui majlis yang dinamakan *Halaqah*.

Pada 2 Jun, 2003 Majlis *Halaqah* mengenai kerja-kerja *Post-Mortem* bersama dengan pegawai-pegawai Bahagian Makmal, Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah diadakan di Darulifta Brunei Darussalam. Ianya dihadiri sama oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati



Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja, Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin, Timbalan Mufti Kerajaan dan pegawai-pegawai Jabatan Mufti Kerajaan semasa halaqah mengenai pengendalian kerja-kerja Post-Mortem.



Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja, Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin, Timbalan Mufti Kerajaan ketika melawat dan mendengar taklimat.

Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja, Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin, Timbalan Mufti Kerajaan dan pegawai-pegawai Jabatan Mufti Kerajaan.

Di majlis itu beberapa isu telah dibincangkan termasuk cara-cara pengendalian organ dan tisu yang berkaitan dengan *post-mortem*, perbincangan mengenai pengendalian kerja *post-mortem* dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Pada hari Sabtu, 23 Rejab, 1424 bersamaan 20 September, 2003 perbincangan lanjut mengenai perkara tersebut telah diadakan di Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. Sebelum taklimat dan perbincangan diadakan rombongan yang diketuai oleh Mufti kerajaan itu telah dibawa ke tempat-tempat yang berkaitan dengannya seperti rumah mayat dan makmal.

## KURSUS PEMBANGUNAN DAN PENGEMBANGAN FATWA NEGARA MABIMS

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

**N**egara Brunei Darussalam telah menghantar 5 orang perwakilan untuk menghadiri Kursus Pembangunan Dan Pengembangan Fatwa Negara MABIMS yang dianjurkan oleh Pusat Pengajian Pengurusan Hal Ehwal Islam, Institut Latihan Islam Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam, Malaysia. Majlis berlangsung pada 20 - 23 Jamadilakhir, 1424 bersamaan 18 - 21 Ogos, 2003 di Hotel City Bayview, Langkawi, Kedah Darul Aman.

Rombongan diketuai oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin, Timbalan Mufti Kerajaan dan dihadiri oleh 2 orang pegawai Unit Perundungan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Japar bin Haji Maidin, dari Jabatan Mufti Kerajaan, dan seorang wakil dari Jabatan Kehakiman Negara.

Dalam kursus tersebut sebanyak 8 kertas kerja telah dibentangkan termasuk kertas kerja yang dibentangkan oleh Timbalan Mufti Kerajaan bertajuk Pembentukan Dan Perlaksanaan Fatwa: Pengalaman Negara Brunei Darussalam.

Menurut pihak pengajur, objektif kursus ialah untuk meningkatkan kemahiran dan pembentukan fatwa dan juga untuk mendedahkan prosedur pembentukan dan perlaksanaan fatwa negara MABIMS.

Kursus ditutup rasmi oleh Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Tuan Haji Che Min bin Che Ahmad pada 23 Jamadilakhir, 1424 bersamaan 20 Ogos, 2003.



Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin, Timbalan Mufti Kerajaan ketika sesi pembentangan di Kursus Pembangunan Dan Pengembangan Fatwa Negara MABIMS.

# RAMADHAN AKAN TIBA SUDAHKAH QADHA PUASA DITUNAIKAN?

Diolah semula oleh : Haji Yakob bin Haji Metali

**H**ari berganti minggu dan minggu pula berganti bulan. Walaupun rasanya Ramadhan baru saja berlalu, tetapi masa beredar begitu cepat. Kini Ramadhan, bulan yang sangat tinggi darjat dan besar martabatnya di sisi Allah *Subhanahu wata'ala* dan RasulNya, dan juga menjadi penghulu segala bulan itu sudah menghampiri kita.

Dalam hal ini apakah puasa yang ditinggalkan disebabkan keuzuran seperti sakit, musafir, haidh, nifas dan hamil atau berbuka tanpa keuzuran sudah diqadha? Apa pula akibat kalau melambatkan qadha sehingga masuk Ramadhan yang baru? Macamana pula dengan *fidyah*?

## Qadha Puasa

Qadha adalah berasal daripada perkataan Arab. Dari segi istilah ulama, qadha dalam ibadat itu bererti melaksanakan sesuatu ibadat yang telah keluar daripada waktunya yang ditentukan oleh syara'. (*Al-Qâmûs al-Fiqhi*: 305)

Setiap orang mukallaf yang meninggalkan puasa Ramadhan sama ada disebabkan keuzuran seperti sakit, musafir, haid, nifas atau hamil atau berbuka tanpa keuzuran adalah diwajibkan untuk mengadha puasa yang ditinggalkannya itu. Firman Allah *Subhanahu wata'ala*:

وَمَنْ كَانَ مِرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعُذْنَةٌ  
مِنْ أَسْكَامٍ أُخْرَى

(Surah al-Baqarah: 180)

**Tafsirnya:** "Dan sesiapa yang sakit atau dalam musafir, maka (bolehlah dia berbuka kemudian wajiblah dia berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkannya itu, pada hari-hari yang lain."

(Surah al-Baqarah: 185)

## Qadha Bagi Orang Berbuka Disebabkan Keuzuran

Adapun puasa yang ditinggalkan disebabkan keuzuran tidaklah wajib diqadha dengan segera. Walau bagaimanapun mengqadhan dengan segera adalah lebih baik dan hukumnya adalah sunat (*mustahabb*) untuk tujuan berjaga-jaga (*ihtiyât*). Begitu juga, tidak diwajibkan mengadha puasanya itu dengan berturut-turut, bahkan hanya sunat sahaja. Oleh itu adalah harus melakukan qadha dengan berselang-seli harinya.

Melambatkan qadha puasa disebabkan

keuzuran itu adalah diharuskan sebagaimana disebutkan dalam sebuah riwayat Yahya daripada Abu Salamah, bermaksud: "Saya telah mendengar 'Aisyah Radhiallahu 'anha berkata: "Dahulu saya ada qadha puasa bulan Ramadhan, namun saya tidak upaya untuk menggadhanya melainkan di bulan Sya'ban." Yahya berkata: "Disebabkan ada kesibukan yang datangnya daripada Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam atau dengan Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam (kerana khawatir Baginda akan memerlukannya pada bila-bila masa)".

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Hadis ini menunjukkan bahawa orang yang berbuka puasa disebabkan keuzuran, harus melambatkan qadha puasa Ramadhan sehingga datangnya bulan Sya'ban iaitu sebelum datangnya Ramadhan yang baru. Ini kerana Siti 'Aisyah mengadha puasanya pada bulan Sya'ban tersebut bersama-sama Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* yang mana Baginda banyak mengerjakan puasa sunat di bulan Sya'ban itu.

Perlulah diingat bahawa keharusan melambatkan qadha puasa itu tidaklah sampai datangnya bulan Ramadhan yang baru, kerana berdosa bagi orang yang melengah-lengahkan qadha puasa Ramadhan sehingga masuk ke bulan Ramadhan yang baru tanpa keuzuran yang menyebabkan dia tidak dapat mengqadhanya. Keuzuran yang dimaksudkan di sini ialah seperti sakit yang berpanjangan.

Manakala waktu mengqadha puasa itu, menurut Imam an-Nawawi adalah harus mengqadha puasa Ramadhan sepanjang tahun melainkan bulan Ramadhan, Hari Raya dan Hari Tasyrik. Tidaklah menjadi makruh mengqadha puasa pada selain waktuwaktu yang tidak diharuskan itu sama ada mengqadhanya pada bulan Zulhijjah atau selainnya. (*Majmû'*: 6/413)

## Qadha Bagi Orang Yang Berbuka Puasa Dengan Sengaja

Orang yang berbuka puasa dengan sengaja tanpa keuzuran adalah diwajibkan mengqadha puasanya itu dengan segera kerana sesiapa yang berbuka puasa dengan sengaja adalah *fâsiq*, oleh itu diwajibkan ke atasnya bertaubat dengan segera untuk melepaskan dirinya daripada *kefâsiqan* itu. Tidaklah sah taubatnya itu melainkan dia mengqadha kesemua puasa yang ditinggalkannya. Jika dia melengah-lengahkan qadha puasa itu tanpa keuzuran, nescaya dia berterusan dalam *kefâsiqan*.

Berterusan dalam *kefâsiqan* itu adalah suatu dosa.

Jelasnya bahawa orang yang berbuka puasa dengan sengaja dan melengah-lengahkan qadha puasanya itu tanpa keuzuran sehingga sampai bulan Ramadhan yang baru adalah berdosa dan *fâsiq*. Begitulah juga setiap perkara yang wajib seperti sembahyang, jika ditinggalkan dengan sengaja dan dilengah-lengahkan pada mengqadhananya adalah perbuatan dosa dan *fisq*.

(Az-Zawâjîr: 1/324)

## Kewajipan Bagi Orang Yang Melambatkan Qadha Sehingga Masuk Ramadhan Baru

Sebagaimana penjelasan yang disebutkan tadi, adalah berdosa bagi orang yang tiada keuzuran melengah-lengahkan qadha puasanya sehingga masuk Ramadhan yang baru.

Menurut Imam an-Nawawi, apabila seseorang yang tidak mempunyai keuzuran melengah-lengahkan qadha puasanya sehingga masuk bulan Ramadhan yang baru, hendaklah orang tersebut mengerjakan puasa bagi bulan Ramadhan yang baru terlebih dahulu kemudian barulah dia mengqadha puasa yang ditinggalkannya sebelum ini dan membayar *fidyah* bagi setiap hari yang ditinggalkan. Dalam *âtsâr* sahabat daripada Ibnu 'Abbas Radhiallahu 'anhuma berkata bermaksud: "Barang siapa yang melengah-lengahkan qadha puasa Ramadhan sehingga didapatinya Ramadhan yang lain maka hendaklah dia berpuasa Ramadhan di bulan tersebut, kemudian barulah dia mengqadha puasa yang ditinggalkannya dahulu itu dan memberi makan pada setiap hari seorang miskin (*fidyah*)".

(Hadis riwayat ad-Daraquthni)

Jenis *fidyah* itu ialah sama seperti jenis zakat fitrah iaitu makanan asasi dan yang mengenyangkan bagi sesebuah negeri umpamanya bagi Negara Brunei Darussalam makanan asasinya adalah beras. Kadar yang patut dikeluarkan ialah satu *mudd* (secupak) iaitu lima belas tahil beras bersamaan 566.85 gram.

Orang yang berhak menerima *fidyah* itu pula ialah orang fakir dan miskin sahaja. *Fidyah* itu boleh diberi lebih daripada satu cupak kepada seorang miskin, berlainan dengan membayar *kaffârah*. Ini bererti tidak boleh memberi dua cupak untuk seorang miskin bagi membayar *kaffârah*, bahkan hendaklah diberi satu cupak sahaja kepada setiap miskin hingga enam puluh orang.

Adapun jika seseorang yang lewat

mengqadha puasanya sehingga datang Ramadhan yang baru disebabkan keuzuran, seperti dia masih dalam pelayaran, sakit atau lain-lain keuzuran *syar'ie*, adalah dituntut mengqadha puasa tanpa membayar *fidyah*. (Majmū': 6/412-413)

### Bila *Fidyah* Itu Berganda?

Apabila seseorang melengah-lengahkan qadha puasa tanpa ada keuzuran sehingga datang Ramadhan yang kedua adalah diwajibkan ke atasnya mengqadha puasa tersebut beserta membayar *fidyah*. Jika dia tidak mengqadhnanya juga sehingga datang lagi Ramadhan yang ketiga, maka diwajibkan ke atasnya membayar *fidyah* dua kali ganda bagi setiap hari puasa yang ditinggalkan. Ini bererti dia wajib mengqadha satu hari puasa berserta *fidyah* dua cupak beras. *Fidyah* itu akan terus berganda dari tahun ke tahun selagi dia belum habis menyempurnakan qadha puasanya. Akan tetapi qadha puasanya itu tidaklah berganda sebagaimana *fidyah*.

Untuk lebih jelas di sini kita bawakan dua contoh:

#### Contoh I

Seorang telah meninggalkan puasanya pada tahun 1419H sebanyak 8 hari. Puasa yang ditinggalkannya itu tidak diqadhnanya sehingga masuk Ramadhan 1422H (selama tiga tahun).

Maka cara mengiranya ialah dengan masuknya Ramadhan 1420H, dia wajib membayar *fidyah* kerana tidak mengqadha puasanya itu. *Fidyahnya* berganda ketika masuk Ramadhan 1422H kerana dia telah melengah-lengahkan qadha puasanya.

*Fidyah* yang wajib dibayarnya sebanyak 24 *mudd* ( $8 \times 3$  tahun) hasil daripada gandaan *fidyahnya* yang bermula dari tahun 1420H, 1421H dan 1422H. Banyak *fidyah* yang wajib dikeluarkan dalam kiraan kilogram ialah 13.604kg ( $24 \text{ mudd} \times 566.85 \text{ gram} = 13.604\text{kg}$ ).

#### Contoh II

Seorang itu meninggalkan puasa sebanyak 8 hari pada tahun 1400H, 7 hari pada tahun 1401H dan 6 hari pada tahun 1402H. Kesemua puasa ini belum diqadha sehingga masuk Ramadhan 1403H.

Maka cara mengiranya ialah, dengan masuknya Ramadhan 1401H, dia wajib mengqadha sebanyak 8 hari serta wajib mengeluarkan *fidyah* kerana belum menuaiqan qadha puasa pada tahun 1400H sebanyak 8 *mudd* ( $8 \text{ mudd} \times 566.85 \text{ gram} = 4.534 \text{ kg}$  beras).

Jika puasa tersebut tidak juga diqadha sehingga masuk Ramadhan 1402H, maka

qadha puasanya bertambah menjadi 15 hari (8 hari pada tahun 1400H dan 7 hari pada tahun 1401H). *Fidyahnya* juga bertambah iaitu 16 *mudd* bagi puasa tahun 1400H kerana telah sampai tempoh dua kali Ramadhan yang baru iaitu 1401H dan 1402H. Kemudian ditambah dengan *fidyah* yang baru iaitu 7 *mudd* kerana belum mengqadha 7 hari puasa yang ditinggalkan pada 1401H. Maka jumlah *fidyah* yang perlu dibayar pada tahun 1402H ialah 23 *mudd* ( $23 \text{ mudd} \times 566.85 \text{ gram} = 13.037 \text{ kg}$  beras).

Jika masuk Ramadhan 1403H dan puasa qadhnanya belum juga ditunaikan bahkan bertambah lagi 6 hari pada 1402H, maka dia wajib qadha sebanyak 21 hari. Manakala *fidyahnya* menjadi 24 *mudd* bagi 8 hari puasa 1400H kerana sudah melalui 3 kali Ramadhan (1401, 1402 dan 1403H), 14 *mudd* bagi 7 hari puasa 1401H dan 6 *mudd* bagi 6 hari puasa 1402H. Jumlah keseluruhan *fidyah* yang wajib dibayar ialah 44 *mudd* ( $44 \text{ mudd} \times 566.85 \text{ gram} = 24.941 \text{ kg}$  beras).

### Meninggal Dunia Sebelum Menyempurnakan Qadha Puasa

Seseorang yang berbuka puasa disebabkan keuzuran lalu berterusan keuzurannya itu sehingga tidak mampu mengqadhnanya seperti masih dalam keadaan sakit ketika dia meninggal dunia, maka tidaklah diwajibkan ke atasnya qadha atau *fidyah*. Ini kerana hukum wajib itu tidak lagi tertanggung ke atasnya sebagaimana dalam kewajipan fardhu haji.

Manakala dalam hal dia mampu untuk mengadhnanya sama ada qadhnanya itu disebabkan uzur ataupun tidak, namun dia tidak mengqadhnanya sehingga meninggal dunia, dalam keadaan ini terdapat dua *qaul*:

- Menurut *qaul jadid*, diwajibkan membayar *fidyah* daripada hartanya bagi setiap hari puasa yang ditinggalkan dengan satu cupak makanan dan tidak sah bagi wali si mati itu berpuasa untuknya.

Dalam hal ini, jika seseorang meninggal dunia sebelum datang Ramadhan yang baru, maka diwajibkan bagi setiap hari qadha puasa itu satu cupak makanan. Akan tetapi jika dia meninggal dunia selepas masuknya Ramadhan yang baru, maka menurut pendapat yang *ashāh* adalah diwajibkan dua cupak makanan; satu cupak bagi puasa yang ditinggalkan dan satu cupak lagi kerana melambatkan qadhnanya. (Majmū': 6/419)

- Manakala menurut *qaul qadim* dan dipilih oleh Imam an-Nawawi, harus bagi wali si mati itu berpuasa untuknya jika dia mahu. Ini bererti bukanlah

menjadi kewajipan kepada wali itu untuk berpuasa bagi si mati bahkan tertakluk kepadanya untuk memilih sama ada puasa atau pun *fidyah*. Jika wali itu berpuasa untuk si mati adalah sah dan tidak perlu lagi dia membayar *fidyah* untuk si mati kerana dengan puasanya itu juga boleh melepaskan beban si mati. (Majmū': 6/414-415)

Wali yang dimaksudkan di sini ialah semua kaum kerabat si mati sekalipun bukan ahli '*ashāh*' dan bukan juga ahli waris atau bukan wali yang bertanggungjawab ke atas harta si mati menurut pendapat yang *mu'tamad*. (I'ānah ath-Thālibīn: 2/244)

Dalil bagi mereka yang mengharuskan wali si mati itu mengqadahkan puasa si mati adalah berdasarkan beberapa hadis *shahih* di antaranya, sabda Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*:

مَنْ مَاتَ وَعَلَيْهِ صِيَامٌ صَامَ عَنْهُ  
وَلِيُّهُ

(رواه البخاري ومسلم)

**Maksudnya:** "Barang siapa yang meninggal dunia dan atasnya kewajipan puasa, maka walinya berpuasa untuknya." (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Dalam sebuah hadis daripada Ibnu 'Abbas *Radiyallahu 'anhuma* berkata maksudnya: "Telah datang seorang lelaki kepada Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* lalu berkata: "Wahai Rasulullah! Sesungguhnya ibuku telah meninggal dunia dan baginya kewajipan puasa satu bulan, adakah saya perlu mengqadhnanya bagi pihaknya?"

Baginda bersabda: "Sekiranya ibumu mempunyai hutang, adakah engkau membayarkannya bagi pihaknya?"

Lelaki itu menjawab: "Ya".

Baginda bersabda: "Maka hutang terhadap Allah itu lebih berhak untuk diqadha."

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Oleh yang demikian janganlah dilengah-lengahkan qadha puasa sehingga datangnya Ramadhan yang baru ataupun langsung tidak menghiraukannya sehingga berlalunya Ramadhan dari setahun ke setahun. Ini bukan sahaja boleh menyebabkan bergandanya *fidyah* yang wajib dibayar bahkan juga mendapat dosa besar ke atas pelakunya.

# POSTPONEMENT OF PERFORMANCE OF HAJJ (PILGRIMAGE)

Question:

With great respect, I would like to ask for a legal opinion on the problem faced by our company as follows:

"Several staff members in a department wanted to perform the hajj. However, the department concerned could not approve all of them performing the hajj, due mainly to operations manning."

I highly appreciate Pehin's attention and response.

Answer:

الحمدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ  
وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى  
آلهِ وَصَاحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ  
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، اللَّهُمَّ هَدِئْنَا  
لِلصَّوَابِ، وَبَعْدَ

The *hajj* is a religious obligation that was re-introduced by the Prophet Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam in pursuance of a similar religious obligation that was prescribed to the Prophet Ibrahim, Alaihissalam. The *hajj* is one of the Pillars of Islam. It is obligatory upon a legally capable Muslim when all conditions are fulfilled. Evidence for its obligatoriness can be found in the Qur'an and the *ahâdîth* of the Prophet Sallallahu 'alaihi wasallam. Allah Ta'âla says:

وَأَتِمُوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ

(Surah al-Baqarah: 196)

**Meaning:** "And perform the *hajj* and 'umrah (minor *hajj*) to Mecca for Allah."

(Sûrah al-Baqarah: 196)

Allah Subhânahu wata'âla also says:

وَإِذْنٌ فِي النَّاسِ بِالْحَجَّ يَأْتُوكُمْ رِجَالًا  
وَعَلَى كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِيَنَّ مِنْ كُلِّ  
فَجِعْلِيْقِ

(Surah al-hajj : 27)

**Meaning:** "And proclaim to mankind the *hajj*, they will come to (the House of) your (Lord) on foot and on every lean camel; they will come from (every nook and corner

of) faraway places."

(Sûrah al-Hajj: 27)

The leading traditionists reported an account from Abu Hurairah Radhiyallâhu 'anhу saying:

خَطَبَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ  
وَسَلَّمَ فَقَالَ: إِنَّهَا النَّاسُ قَدْ فَرَضَ  
اللَّهُ عَلَيْكُمُ الْحَجَّ فَحُجُّوا، فَقَالَ  
رَجُلٌ: أَكُلُّ عَامٍ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟  
فَسَكَّتَ حَتَّى قَالَهَا ثَلَاثَةً، فَقَالَ  
رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ  
وَسَلَّمَ: لَوْ قُلْتُ نَعَمْ لَوْ جَبَتْ وَلَمَا  
اسْتَطَعْتُمْ، ثُمَّ قَالَ: ذَرُونِي مَا  
تَرْكُتُكُمْ فَإِنَّمَا هَلَكَ مَنْ كَانَ  
فِيلَكُمْ بِكَثْرَةِ سُؤَالِهِمْ وَاحْتِلَافِهِمْ  
عَلَى أَبْيَاهِمْ فَإِذَا أَمْرَتُكُمْ بِشَيْءٍ  
فَأَتُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ وَإِذَا نَهَيْتُكُمْ  
عَنْ شَيْءٍ فَدَعُوهُ

(Roa' Mسلم)

**Meaning:** "Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam once preached to us saying: "O mankind, Allah has made the *hajj* an obligation upon you, therefore perform it." A man asked: "O Rasulullah, is it to be performed every year? Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam did not reply, but the man repeated his question three times. Only then Rasulullah replied: "If I reply "Yes", automatically it will become obligatory (to perform it every year) and you will never be able to perform it." Then,

Rasulullah added: "Leave me (do not ask me further) with what I have not specified (I have not mentioned) to you. Indeed, many people before you perished because of their many questions and disagreements with the prophets. Therefore, if I ask you to perform anything, do it in accordance with your ability, and if I forbid you from doing anything, leave it."

(Hadîth narrated by Muslim)

The Kitâb I'ânah at-Tâlibîn mentions that the obligation to perform the *hajj* and 'umrah is to be met once in a lifetime. It can be delayed, postponed or deferred.

It is permissible to delay or postpone the *hajj* upon condition that there must be determination to perform the *hajj* and 'umrah in the future. There is no time constraint to perform the *hajj* and 'umrah because of a vow to perform the *hajj*, or discharge of an unfulfilled *hajj*, or fear of physical weakness in performing the *hajj*, or loss of wealth in performing the *hajj*, with some accompanying indication to that end, albeit inconclusive. (2/321-322)

According to evidence in the Qur'an and the *ahâdîth* of the Prophet Sallallahu 'alaihi wasallam, it is permissible to postpone the *hajj*. This is also the opinion of Imam ash-Shâfi'i, Muhammad al-Hasan and Abu Yusuf (both belonging to the school of Abu Hanifah), as well as a follower of Imam Malik, Ibn Khuwaiz Mandad. (Tafsîr al-Qurtubi 4/44)

Allah Subhânahu wata'âla says:

وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مِنْ  
اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ  
غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ

(Surah al-â'âraaf: 97)

**Meaning:** "And the *hajj* to the House of Allah is a duty to Allah for mankind, for him who can find a way thither. As for him who disbelieves (rejecting the obligatoriness of the *hajj*), let him know that, in fact, Allah is independent of all creatures."

(Sûrah âli 'Imran: 97)

(To page 19)

# Jualan Promosi

## Sempena 10 Tahun Darussalam Holding

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Darussalam Holding telah mengundang institusi awam dan swasta untuk menyemarakkan sambutan 10 tahun penubuhannya yang telah diadakan pada 11 – 12 Jamadilakhir, 1424 bersamaan 9 – 10 Ogos, 2003.

Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, mengambil peluang ini dengan mempromosi buku-buku terbitannya, termasuk buku-buku yang akan diterbitkan.

Buku yang akan diterbitkan termasuk Fatwa Mufti Kerajaan Tahun 2002, Fatwa Mufti Kerajaan Tahun 1996 versi Inggeris, dan sebuah buku yang dirancang hendak diterbitkan iaitu Himpunan Fatwa mengenai Ibadat Haji.

Tetamu Kehormat di majlis pelancaran sambutan itu ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd Zain bin Haji Serudin.



Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama, ketika melawat gerai Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Sempena 10 Tahun Penubuhan Darussalam Holding.



*Setiap pesta buku atau pameran yang disertai buku-buku yang dijual akan diberi potongan harga, dengan harapan agar buku-buku terbitan Jabatan Mufti Kerajaan mampu dimiliki oleh setiap keluarga Islam.*

(From page 18)

This verse was revealed in the third year after the Hijrah when the Battle of Uhud took place in Madinah. The Prophet *Sallallahu 'alaihi wasallam* did not perform the hajj in that year when the hajj was prescribed. Indeed, he performed it only in the tenth year after the Hijrah.

Moreover, the evidence from the prophetic traditions comes from the account of Dhimam bin Tha'labah as-Sa'di from Bani Sa'd bin Bakr, who came to the Prophet *Sallallahu 'alaihi wasallam* asking him about Islam. The Prophet, then, replied by mentioning the *shahâdah* (declaration of faith), prayer, the fasting, the alms-giving/tax, and the *hajj*. Similar accounts of Ibn 'Abbas, Abu Hurairah and Anas insist on the obligatoriness of the *hajj*. Muslim scholars have different opinions on the time of Dhimam's question above (certainly before the Prophet performed the *hajj*) either in the year five, seven or even nine after the Hijrah.

Ibn 'Abdul Barr says: "According to the evidence, the *hajj* may be delayed. And religious scholars unanimously have agreed that it is not sinful (*fâsiq*) for those

who have the ability of performing it to postpone or delay its performance from the current year to the following year and so on. They then perform the *hajj* a few years later and their *hajj* performance belongs to the category of the obligatory *hajj*. Their case differs from one who misses prayer until its time lapses. In his case, he must qadha (re-do) the missing prayer, and so must one who misses fasting during the month of Ramadan due to illness or journey."

Imam al-Qurtubi says in his exegesis: "Ibn Khuyaiz Mandad related that Ibn al-Qasim and others say: "If one postpones the *hajj* until the age of sixty years, he does not sin. However, if he postpones or delays it until after the age of sixty, he is sinful, since the average age of the followers of the Prophet *Sallallahu 'alaihi wasallam* is between sixty and seventy years." The Prophet has said:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَعْمَارُ أَمْتَى مَا بَيْنَ سِتِينَ إِلَى سَبْعِينَ وَأَفْلَحُمُ مَنْ

يَحْوِزُ ذَلِكَ

(رواه الترمذى)

**Meaning:** "From Abu Hurairah: "Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam has said: "My people (ummah) range in age from sixty to seventy years and only a few of them exceed that range."

(Hadith narrated by at-Tirmidzi)

According to the opinion of some religious scholars, including Imam ash-Shafi'i, it is permissible for some staff of the company concerned to postpone the performance of the *hajj*, since they are required to undertake the operations of the company.

At the same time, both sides, the company and the staff, must make serious attempts to overcome such problems. In this way, the obligation of *hajj*, which is also a pillar of Islam, can be performed without further delay, since such delay has its own limitations, as shown above.

وَاللَّهُ أَعْلَمُ

# Sembahyang Seribu Rakaat Setiap Hari

(Dipetik dan diolah oleh Abu Qasim Ismail)

**S**iang dan malam tidak ada perkara hanyalah ruku' dan sujud kepada Allah Subhanahu wata'ala sahaja. Dijadikan hidup ini semata-mata hanya untuk beribadah kepada Allah. Sudah menjadi satu kebiasaan bagi dirinya bersembahyang tidak kurang 1,000 rakaat setiap hari. Apa yang ada di kepalanya ialah bagaimana dapat sentiasa beramal ibadat, setidak-tidaknya setaraf dengan para malaikat yang tidak luput bertasbih siang dan malam walau sesaatpun kepada Allah Subhanahu wata'ala. Setiap hari hanya beberapa suap makanan saja masuk ke mulutnya kerana dia tahu kalau banyak makanan yang masuk ke perutnya membuatkan dirinya menjadi malas dan lemah. Dia hanya makan sekadar untuk hidup saja; badannya sangat kurus tetapi terdapat kekuatan rohani yang sangat mengagumkan yang membolehkan dirinya melaksanakan ibadah sembahyang tanpa halangan.

Begitulah kisah **Amir ibnu Abdu Qais al-Bashry** yang terpahat dalam rentetan tinta sejarah Islam yang merupakan *waliyullah* yang dikagumi kerana kewarakannya. Sifat *istiqâmah* dan *zuhud* beliau sangat dikagumi oleh gurunya iaitu Abu Musa al-Asy'ari. Sememangnya sudah kemahuannya sendiri yang mahu terus hidup membujang. Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan pernah menawarkan kepadanya untuk memilih wanita yang dia inginkan dan mas kahwinnya akan diambilkan daripada Baitul Mal, tapi beliau terus menolak kerana hanya ingin mengabdikan dirinya kepada Allah saj�. Dia tidak mahu ada sesuatu yang dapat melalaikannya daripada beribadah kepada Allah. Beliau juga merupakan salah seorang daripada *tabi'în* yang mencapai puncak *zuhud*.

beliau pernah berkata: "Kenikmatan dunia itu ada empat; harta, wanita, makanan dan tidur. Adapun harta dan wanita itu aku tidak memerlukannya lagi, sedangkan makanan dan tidur aku tidak dapat meninggalkannya. Tetapi demi Allah, dengan makanan dan tidur aku akan memeras tenagaku hanya untuk Allah saj�." Dia merasakan keperluan pada makanan dan tidur menyerupai keperluannya dengan sembahyang malam dan puasa di siang harinya.

Beberapa kali syaitan mahu menggugat keimanannya. Setiap kali syaitan berusaha mendekati tempat sujudnya maka dia akan tercium bau syaitan yang busuk dan terus menyingsirkannya dengan tangan dan berkata dengan nada yang marah: "Wahai syaitan, andai kata bukan kerana bau busukmu, nescaya aku akan sujud di atas dirimu supaya engkau tersepit."

Pernah pada suatu ketika syaitan menjelma di hadapannya menjadi seekor ular, lalu dia menyingsirkan nya dengan tangan sambil menghalaunya keluar. Memandang kan muslihatnya diketahui oleh Amir ibnu Abdu Qais, syaitan pun berkata: "Wahai Amir, apakah kamu tidak takut digigit ular?"

Jawab beliau: "Sesungguhnya aku sangat malu kepada Allah jika aku takut pada sesuatu selain daripada Dia."

Amir terus melaksanakan amal ibadat siang dan malam tanpa memikirkan masaalah yang dihadapinya sehingga pernah betis dan telapak kakinya menjadi bengkok dan sakit. Sesuatu yang terjadi ke atas dirinya, dia selalu berkata: "Wahai jiwa yang selalu mengajak pada keseronokan dan kejahatan, sesungguhnya kamu dicipta-

kan hanyalah untuk beribadah kepada Allah Subhanahu wata'ala semata-mata. Demi Allah, aku akan memaksamu melakukan ibadah tanpa kesempatan untuk kamu istirahat".

Suatu hari beliau keluar rumah dan berjalan sehingga sampai ke satu lembah yang dinamakan "lembah Buas". Dinamakan "lembah Buas" kerana di situ banyak terdapat binatang-binatang buas. Tiada seorangpun yang berani memasuki lembah itu kecuali orang-orang sufi yang berhati tulus, yang hati dan jiwa mereka hanya takut kepada Allah saja.

Ketika menuruni lembah tersebut Amir ibnu Abdu Qais mendapati di lembah itu ada seorang ahli sufi bernama Humamah sedang melakukan ibadah. Amir sembahyang bersendirian di suatu sudut, sedangkan Humamah sembahyang di sudut yang bertentangan. Keduanya berada di lembah itu selama empat puluh hari tanpa saling berbicara, karena masing-masing sedang tekun beribadah dan sembahyang sehingga pada suatu hari timbul di hati Amir ingin berkenalan dengan orang itu.

Amir bertanya: "Wahai hamba Allah, siapakah kamu?"

Orang itu berkata: "Tinggalkan aku bersendirian."

Kata Amir: "Aku bersumpah tidak akan meninggalkan kamu sebelum aku tahu dirimu"

Kata orang itu: "Aku Humamah al-Habsy."

"Jika kamu betul Humamah al-Habsy seperti yang pernah aku dengar, sudah pasti kamulah orangnya yang paling banyak beribadat di dunia ini," jawab Amir terkejut.

"Maka beritahulah kepadaku, apakah pegangan ibadah engkau yang paling utama?" Tanya Amir lagi.

Kata Humamah: "Andai kata bukan kerana beberapa ketentuan sembahyang yang mewajibkan berdiri, ruku' dan sujud nescaya aku lebih senang menghabiskan umurku untuk terus ruku' dan sujud kepada Allah hingga aku bertemu denganNya. Tetapi

sembahyang fardhu tidak membolehkan aku melakukannya dan siapakah pula kamu ini?" Tanya Humamah.

Jawab Amir: "Aku adalah Amir ibnu Abdu Qais."

Kata Humamah: "Jika betul kamu Amir seperti yang pernah aku dengar, sudah pasti kamu lah orangnya yang paling kuat beribadat dan banyak mendirikan sembahyang. Maka beritahulah kepadaku apakah pegangan ibadat engkau yang paling utama?"

"Demi Allah, sesungguhnya takutku kepada Allah *Subhanahu wata'ala* yang bersanggatan membuatkan aku tidak takut kepada sesiapapun kecuali Dia."

Jawab Amir jujur.

Di saat Amir dan Humamah sedang berbicara tentang ibadat dan taat kepada Allah, tiba-tiba datang seekor binatang buas di belakang Amir dan melompat ke atasnya sambil menerkam. Maka secara spontan Amir membaca sepotong ayat al-Qur'an:

ذَلِكَ يَوْمٌ مُّجْمُوعُ لَهُ النَّاسُ وَذَلِكَ  
يَوْمٌ مَّسْهُودٌ

(surah Hud: 103)

**Tafsirnya:** "Hari Kiamat itu adalah satu hari yang mana manusia dikumpulkan untuk (menghadap)Nya dan hari itu adalah satu hari yang disaksikan oleh semua makhluk."

(surah Hud:103)

Tiba-tiba binatang buas itu duduk mengibas-ngibaskan ekornya seperti seekor kucing yang jinak. Humamah yang masih di dalam keadaan terperanjat menyaksikan hal itu terus bertanya kepada Amir:

"Demi Allah, wahai Amir, bagaimana kamu boleh berbuat demikian?" Tanya Humamah minta kepastian.

Jawab Amir: "Bukankah sudah kukatakan kepadamu sesungguhnya aku sangat malu kepada Allah jika aku takut pada sesuatu selain Dia".

Pada suatu majlis di sebuah masjid yang berhampiran rumahnya Amir ibnu Abdu Qais pernah menyampaikan kata-kata hikmahnya yang berbunyi: "Aku pernah bertemu dengan beberapa sahabat Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* dan bergaul dengan mereka. Mereka memberitahuku bahwasanya pada Hari Kiamat nanti orang yang paling suci daripada dosa ialah orang yang paling banyak memperhitungkan diri dalam setiap langkahnya; orang yang paling senang di dunia akan menjadi orang yang paling sedih di akhirat; dan orang yang paling banyak ketawa ketika di dunia akan menjadi orang yang paling banyak menangis di akhirat."

Seterusnya beliau menasihati saudaranya dan kaum Muslimin yang hadir, katanya: "Sabarlah atas apa yang menimpamu di dunia ini dengan memperbanyak membaca al-Qur'an karena barang siapa yang tidak senang membaca al-Qur'an, maka dia akan meninggal dunia dalam keadaan yang sangat menyesal."

Dalam keadaan Amir ibnu Abdu Qais yang hidup di dalam keadaan *zuhud*, beliau tidak membiarkan kezaliman berlaku secara berleluasa, terutamanya kalau ianya berlaku di depan matanya sendiri. Pernah suatu hari beliau menyaksikan seorang lelaki kafir *dzimmi* telah dipukul dan ditarik oleh beberapa orang yang menjadi kakitangan penguasa gabenor Kota Basrah disebabkan kesalahan yang kecil. Setelah orang *dzimmi* itu meminta tolong kepadanya, maka Amir ibnu Abdu Qais melepaskannya daripada saksaan mereka dan berkata: "Jangan menyekska seorang *dzimmi* yang telah dijamin oleh Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* selagi aku masih hidup." Setelah gabenor Basrah mengetahui apa yang berlaku maka dia memerintahkan supaya Amir ibnu Abdu Qais dibuang ke Syam.

Amir terima dan akur dengan keputusan gabenor itu dan tatkala saat beliau akan meninggalkan Kota Basrah untuk berangkat ke Syam, ramai kawan-kawan dan saudara-maranya

turut menghantar beliau di perbatasan sempadan kota. Amir ibnu Abdu Qais sempat berkata kepada mereka: "Dengarlah nasihatku, apabila aku berdoa kepada Allah nanti maka ucapkanlah 'amin'." Mereka yang hadir mahu Amir ibnu Abdu Qais berdoa kepada Allah supaya menurunkan pembalasan kepada mereka yang berbuat zalim dan fitnah ke atas dirinya sehingga beliau di buang negeri. Setelah menadah tangan Amir ibnu Abdu Qais pun berdoa: "Ya Allah, sesiapa yang memfitnah dan mendustakan aku sehingga mereka mengeluarkan aku dari sini, memisahkan aku dengan guruku, saudara maraku, kawan-kawanku, mohon ya Allah, kembalikan harta dan anak-anak mereka, sihatkanlah badan mereka serta panjangkanlah umur mereka dan terimalah amalan mereka."

Mereka terkejut sambil berkata: "Kenapa wahai Amir, kami mahu engkau berdoa sebaliknya."

Amir berkata: "Jangan, ingatlah sebagaimana firman Allah *Subhanahu wata'ala* bahawa kita semua akan dikumpulkan pada satu hari nanti. Aku malu dengan Allah."

Demikianlah sifat Amir ibnu Qais, dia mendoakan orang-orang yang telah berbuat zalim kepadanya sehingga mengusirnya keluar dari Basrah agar mereka diberi harta dan anak yang banyak, disihatkan badan dan dipanjangkan umurnya.

Amir ibnu Abdu Qais meninggal dunia dalam keadaan tidak memiliki apa-apa sebagaimana ia lahir ke dunia dengan tangan kosong. Dia hanya membawa bekalan amal salih yang mengangkat beliau mencapai, martabat orang-orang saIih yang berbakti kepada Allah *Subhanahu wata'ala* semata-mata. *Wallahu a'lam*

Dipetik daripada kitab *Hayatus Shâliîn* karangan Syeikh Abdul Mun'im Qindil

# EKSPO OIC

# 2003

Oleh : Haji Yakob bin Haji Metali

**K**ebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan agar Negara Brunei Darussalam menyertai Ekspo OIC 2003 sempena mesyuarat ketua-ketua negara Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) di Putrajaya, Malaysia pada 14 - 19 Oktober 2003.

Penyertaan ini adalah atas nama Jabatan Perdana Menteri dan dipengerusikan oleh Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim. Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, dan dianggotai oleh berbagai pihak dan kementerian yang berkaitan. Sementara Jabatan Mufti Kerajaan pula menjadi urussetianya.

Berbagai persiapan diatur dan dilaksanakan melalui mesyuarat yang diadakan bagi menyertai ekspo tersebut. Ini termasuklah dari segi konsep persempahan dan bahan-bahan yang akan dipamerkan.

Sehubungan dengan itu juga majlis Menandatangani Kontrak Pembinaan Pavilion Negara Brunei Darussalam di ekspo tersebut juga telah diadakan di Darulifta Brunei Darussalam pada hari Khamis 21 Rejab 1424 bersamaan 18 September 2003.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia



Mufti Kerajaan ketika menyaksikan Majlis Menandatangani Kontrek Pembinaan Pavilion Negara Brunei Darussalam di Ekspo OIC 2003 (atas) dan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Jawatankuasa Pemandu, ketika menerima cek dari Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (kiri).

diwakili oleh Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim. Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pemandu. Sementara Cityneon Interior & Furnishing Company diwakili oleh Awang Haji Abu Bakar.

Majlis tersebut disaksikan oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, selaku Penasihat Jawatankuasa Pemandu.

Sementara itu pula, pada Hari Isnin 3 Sya'ban 1424 bersamaan 29 September, 2003 satu majlis menerima sumbangan dan tajaan penyertaan Negara Brunei Darussalam di ekspo tersebut telah diadakan di tempat yang sama.

Sebanyak \$165,000.00 sumbangan dan tajaan telah diterima di majlis tersebut oleh Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri.

Sumbangan dan tajaan diterima dari BLNG \$100,000.00, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bank Islam Brunei Berhad (IBB), Bank Pembangunan Islam Brunei (IDBB), Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) masing-masing menyumbangkan \$40,000, sementara Union Overseas Bank menyumbangkan \$5,000.00

Penyertaan Negara Brunei Darussalam di ekspo tersebut melibatkan agensi kerajaan dan juga swasta yang terdiri daripada perbankan Islam, BLNG dan pengusaha kecil dan sederhana.



## SEMINAR KEBANGSAAN FIQH SEMASA 2003

Oleh : Haji Yakob bin Haji Metali

**D**ua orang pegawai kanan Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri telah diundang untuk membentangkan kertas kerja di Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa 2003, yang dianjurkan oleh Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kerjasama Sekolah Pengajian Islam, Kolej Islam Selangor Darul Ehsan (KISDAR), yang berlangsung pada 27 - 28 Rejab, 1424 bersamaan 24 - 25 September, 2003 bertempat di KISDAR.

Sebanyak 32 kertas kerja telah dibentangkan di seminar tersebut. Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin, Timbalan Mufti Kerajaan membentangkan kertas kerja bertajuk Pengguguran Janin : Amalan Semasa dan Pandangan Syari'at Islam Mengenainya. Sementara Awang Haji Japar bin Haji Maidin, Ketua Pegawai Istinbat

membentangkan kertas kerja bertajuk Bedah Siasat (Post-Mortem) Mayat : Satu Tinjauan Menurut Perspektif Syara'.

Selain kedua-dua pegawai kanan berkenaan, seminar juga dihadiri oleh Awang Haji Dennie bin Haji Abdullah Pegawai Penyelidik ugama di Jabatan Mufti Kerajaan


Menurut pihak pengajur, antara objektif seminar tersebut ialah menghimpunkan para sarjana dalam bidang syari'at Islam untuk membahaskan permasalahan semasa, membincangkan perkembangan terkini dalam perundangan Islam dan mencari penyelesaiannya menurut perspektif Islam.

Seminar dirasmikan oleh Yang Amat Arif Dato Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman, Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan ditutup rasmi oleh Profesor Dato

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin, Timbalan Mufti Kerajaan ketika membentangkan kertas kerja di Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa 2003.

Dr. Mohd. Salleh bin Mohd. Yasin, Naib Canselor, Universiti Kebangsaan Malaysia.

# Promosi Akaun Remaja dan Akaun Simanja



Pelanggan baru Akaun Remaja dan Akaun Simanja akan diberikan satu "Kupon Istimewa"



Pemenang kupon yang berluah akan memenangi pelbagai hadiah istimewa yang ditawarkan.

Pertama:

\$50.00 &

\$250.00  
baucar

Kedua:

\$50.00 &

\$150.00  
baucar

Ketiga:

\$50.00 &

\$100.00  
baucar

Saguhati:



Setiap pelanggan Akaun Remaja dan Akaun Simanja yang mempunyai baki simpanan \$500.00 keatas akan menerima **shop Perlindungan Takaful setara Percuma!**

Pemilihan akan ditentukan setiap dua bulan sekali  
Promosi bermula **Februari 2002**

Untuk keterangan lanjut sila hubungi 232222 ext 143/146 ataupun mana mana Cawangan Perbadanan TAIB yang berdekatan.



Rebutlah peluang ini dengan membuka

*Akaun Remaja atau  
Akaun Simanja*



IBU PEJABAT  
Jalan Sultan  
B.S.B. BS 8811  
Negara Brunei Darussalam  
Tel: 02-232 222 / 02-237 784



CAWANGAN GADONG  
B3, Sudut Taibah  
Kompleks Setia Kenangan  
Kampong Kulep,  
Gadong, B.S.B. BE 1518  
Negara Brunei Darussalam  
Tel: 02-232 121 / 02-231 388



CAWANGAN SENGKURONG  
Bangunan Awang Haji Ibrahim  
Block A, Unit 7, Jalan Jenitong  
Sengkuring BG 3122  
Negara Brunei Darussalam  
Tel: 02-662 132 / 02-662 133



CAWANGAN KUALA BELAIT  
No. 382, Simpang 27  
Jalan Mawana, Kuala Belait KA 2801  
Negara Brunei Darussalam  
Tel: 03-333 285



PERBADANAN  
Tabung Amanah Islam Brunei

# Kita Tetap Berpegang Kepada Ajaran Al-Qur'an Bagi Mendapatkan Keberkatan

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali



*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan hadiah kepada Johan Qari, Awang Haji Ismail bin Haji Sulaiman.*

**K**ebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menegaskan bahawa kita tetap berpegang kepada ajaran-ajaran al-Qur'an bagi mendapatkan keberkatan di dalam semua tindak tanduk kita.

*"Kita tidak mampu untuk bertolak ansur dengan sebarang pelanggar peraturan atau undang-undang, kerana jika kita juga turut bersetuju dengan mereka, bermakna*

*kita adalah sebahagian daripada mereka"*, titah baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian di Majlis Pertandingan Membaca al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan, bagi malam kedua yang berlangsung pada 8 Jamadilakhir 1424 bersamaan 5 Ogos 2003, di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Menurut titah baginda lagi, Negara Brunei Darussalam yang selama ini indah, molek dan bersopan santun telah digegarkan oleh

aktiviti-aktiviti jahiliah. Baginda menganggap perkara ini adalah serius. Ini adalah satu contoh jahiliah yang disangkakan tamadun atau peradaban.

*"Beta ucapan syabas kepada pihak-pihak penguatkuasa, selama mana ianya bertepatan dengan peraturan-peraturan dan undang-undang"*, titah baginda lagi.

Di majlis itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan menyempurnakan penganugerahan hadiah-hadiah kepada para pemenang.

Awang Haji Ismail bin Haji Sulaiman dan Dayang Siti Nur Dzuhairah binti Haji Awang Damit, masing-masing telah muncul sebagai johan qari dan qari'ah di pertandingan tersebut.

Berangkat sama ke majlis itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Di-Gadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Terdahulu dari itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah telah berkenan menyempurnakan pembukaan rasmi pertandingan tersebut pada malam 7 Jamadilakhir, 1424 bersamaan 4 Ogos, 2003.

Seramai 4 orang qari dan 4 orang qari'ah termasuk johan qari tahun lalu telah memperdengarkan bacaan mereka di malam pertandingan itu.



*Para hakim yang menghakimkan Pertandingan Membaca al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1424/2003.*

**Diterbitkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri**

Darulifta' Brunei Darussalam, Spg. 26, Jalan Pengiran Babu Raja, Bandar Seri Begawan BA2112, Negara Brunei Darussalam  
Telefon: 2235121, 2224955 Fax: 2235120

Website: [www.brunet.bn/gov/mufti](http://www.brunet.bn/gov/mufti) E-mail: [mufti@brunet.bn](mailto:mufti@brunet.bn) dan [fatwa@brunet.bn](mailto:fatwa@brunet.bn)

Dicetak oleh: Pencetakan dan Perdagangan Borneo Sdn. Bhd.